

KEBAWAH DYMM AKAN MENJALANI RAWATAN KESIHATAN

Siaran Akhbar :
 Jabatan Perdana Menteri
 Foto : Mohamad Azmi
 Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Januari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu Pengumuman Khas dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah disiarkan pada hari ini.

Pengumuman Khas berkenaan dimulakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menjalani rawatan kesihatan yang telah dirancang awal di Jerudong Park Medical Centre pada Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026 Masihi.

>> Muka 2



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Pengumuman Khas dari JPM.

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 13 Januari. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Buku Baharu yang bertajuk 'Ayat-ayat Al-Qu'ran Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh' yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Datu Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin

Amalan rukyah ikhtiar ketuhanan mengubati segala penyakit

Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Timbalan Mufti Kerajaan, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, Penolong-penolong Mufti, pengarah-pengarah serta pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan JMK.

Hadir sama, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, serta

Yang Dipertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (Brunei Breast Cancer Support Group - BBCSG).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Buhuth Kanan, JMK, Pengiran Zamiri bin Pengiran Haji Jamaluddin, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran, JMK, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis.

Satu ucapan khas juga disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, disusuli dengan acara kemuncak, iaitu pelancaran rasmi Buku 'Ayat-ayat Al-Qu'ran Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh'.

>> Muka 3

Kongsi perkembangan terkini dasar, inisiatif JPM

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Januari. - Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan - jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2026 telah diadakan pada hari ini di Bangunan JPM.

Sesi Muzakarah berkenaan dipengerusikan bersama oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sementara, rombongan Ahli-ahli MMN diketuai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Turut hadir, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

>> Muka 5

Pelajari kepelbagaian budaya, perspektif baharu

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Isnin, 12 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) kekal komited dalam melahirkan belia yang berdaya tahan, berwibawa dan berfikir global.

Penyertaan dalam program belia antarabangsa seperti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) adalah selaras dengan agenda pembangunan belia negara, khususnya dalam memperkukuh keupayaan kepimpinan, memupuk kecekapan antara budaya, serta menanamkan rasa tanggungjawab serantau yang kukuh.

>> Muka 6



Berita Utama



39 pegawai sertai Kursus Maktab Turus Sesi Ke-16

Muka 7



MEMPERTINGKATKAN perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf, baitulmal

Muka 8



MEMPERKUKUH kefahaman penubuhan, peranan Tabung Dana Pembinaan Masjid

Muka 13



WAQAF Ilmu : Pahala berterusan, manfaat berkekalan

Muka 21

MERAFAKKAN DOA BAGI KESIHATAN, KESEJAHTERAAN KEBAWAH DYMM

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Januari. - Selaras dengan syariat agama Islam yang sentiasa memohon taufik dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, acara keagamaan akan diadakan untuk merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang akan menjalani rawatan kesihatan yang

telah dirancang awal di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) pada Ahad, 28 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 18 Januari 2026 Masihi.

Dalam hal ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman semasa satu Pengumuman Khas daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang disiarkan hari ini telah memaklumkan bahawa beberapa acara keagamaan akan diadakan untuk mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesembuhan segera dan keafiatan yang berpanjangan.

Menurut Yang Berhormat, acara-acara keagamaan tersebut ialah Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas akan bermula pada malam Khamis, 25 Rejab 1447H bersamaan 15 Januari 2026M di semua masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara dengan tumpuan masjid utama iaitu Jame' Asr Hassani Bolkiah di Kampung Kiarong.

Bagi Daerah Belait, majlis tersebut akan diadakan di Masjid Mohammad

Jamalul Alam, manakala bagi Daerah Tutong adalah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas akan diadakan pada Jumaat, 26 Rejab 1447H bersamaan 16 Januari 2026M sebelum Sembahyang Fardu Jumaat bermula pukul 12.15 tengah hari dan diikuti dengan Khutbah Khas.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas juga akan dijalankan bermula

pada 16, 17 dan 18 Januari 2026M pada selepas Sembahyang Fardu Maghrib di semua masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara. Doa Khas akan dibacakan pada setiap waktu sembahyang fardu.

Seterusnya, Yang Berhormat juga memaklumkan, Munajat Khas bagi Institusi Pendidikan akan diadakan pada Isnin, 29 Rejab 1447H bersamaan 19 Januari 2026M, yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah Arab, sekolah agama, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta dengan pengisian Sembahyang Sunat Hajat, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas.

Kebawah DYMM akan menjalani rawatan kesihatan

>> Muka 1

Di samping itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, telah memaklumkan bahawa rawatan berkenaan adalah prosedur pembedahan penggantian sendi lutut kanan ataupun *right total knee replacement* bagi mengembalikan fungsi lutut, meningkatkan mobiliti (pergerakan) dan memberikan keselesaan serta manfaat kepada kesihatan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, pembedahan berkenaan akan diketuai oleh Pakar Bedah Ortopedik dari Amerika Syarikat, Profesor Andrew Freiberg, yang berpengalaman dalam pembedahan penggantian dan rekonstruktif sendi. Setelah pembedahan, tempoh pemulihan dijangka akan mengambil masa dua ke tiga bulan termasuk sesi fisioterapi.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri

Pertahanan II juga memaklumkan bahawa dalam tempoh menjalani rawatan berkenaan, Kebawah DYMM akan bersemayam dan beristirahat, dan keberangkatan baginda dalam majlis-majlis kenegaraan dan rasmi adalah terhad buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, baginda akan terus menjalankan tugas-tugas rasmi dalam tempoh berkenaan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyeru seluruh lapisan masyarakat untuk

sama-sama mendoakan agar prosedur rawatan baginda berjalan dengan lancar dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala bagi mengurniakan kesembuhan yang segera, kesihatan yang sempurna dan keafiatan yang berpanjangan kepada raja *kitani* yang dikasihi, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi,

JPM dan pihak-pihak tertentu akan terus memaklumkan keadaan kesihatan Kebawah DYMM setelah pembedahan berkenaan dari semasa ke semasa.

Dalam mengakhiri Pengumuman Khas berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II merafakkan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memperkenalkan doa seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	RABU	24	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	KHAMIS	25	5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39
16	JUMAAT	26	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	SABTU	27	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	AHAD	28	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
19	ISNIN	29	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.40
20	SELASA	1 SYAABAN	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 14 JANUARI 2026

Mohon berkat dan reda Allah

KITA sudah memasuki bulan Rejab yang penuh dengan keberkatan dan kerahmatan dari Allah Subhanahu Wata'ala Jua. Bulan Rejab ini menceritakan mengenai dengan satu peristiwa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai mukjizat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengukuhkan kedudukan baginda sebagai rasul terakhir. Ia bukan sekadar perjalanan luar biasa, tetapi sebuah pengajaran mendalam yang menghubungkan kita dengan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan menekankan keutamaan solat dalam kehidupan seharian.

Peristiwa ini jika diambil beberapa pengajaran iaitu penetapan solat fardu lima waktu. Solat, tiang agama, menjadi kewajiban yang disyariatkan secara langsung tanpa perantaraan. Menguji Keimanan. Ketika Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam berkongsi peristiwa ini kepada kaumnya, ia menjadi ujian iman kepada mereka. Pengajaran untuk hidup, Israk Mikraj mengingatkan kita bahawa hubungan antara manusia dan Allah (*hablum minallah*) serta hubungan sesama manusia (*hablum minannas*) adalah asas kebahagiaan dunia dan akhirat.

Solat sebagai komunikasi langsung dengan Allah. Ia bukan sekadar ritual harian, tetapi hubungan yang menghubungkan manusia dengan Pencipta-Nya. Kewajipan yang penuh kasih sayang. Meskipun pada awalnya solat difardukan sebanyak 50 waktu sehari, ia diringankan menjadi lima waktu sebagai tanda rahmat Allah kepada umat manusia. Namun, pahala yang dijanjikan tetap seperti melaksanakan 50 waktu. Solat menjadi asas yang menguatkan jiwa, menenangkan hati, dan memberi petunjuk dalam kehidupan seharian. Jagalah Hubungan kita dengan Allah supaya hubungan kita sesama manusia jua akan sentiasa terjaga.

Solat itu juga diertikan sebagai doa. Di setiap akhir waktu solat, kita akan menadah tangan memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberikan kesihatan, keafiatan, kesejahteraan dan keselamatan dalam menjalani hidup seharian. Kita juga disarankan untuk mendoakan ibu bapa, guru-guru atau sesiapa sahaja demi mendapat Rahmat Allah Subhanahu Wata'ala Jua.

Sidang pengarang Keluaran pada kali ini akan membawa pembaca untuk sama-sama menyucikan hati dan membersihkan jiwa agar kita sentiasa dekat kepada Allah. Tanpa kita mendekatkan diri kepada Allah, kehidupan seharian kita akan menjadi tidak teratur. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

RUKYAH PELENGKAP SOKONGAN SPIRITUAL, PENGUAT KETENANGAN JIWA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; **Yang** Berhormat Menteri Kesihatan dan **Yang** Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu-tetamu khas pada majlis berkenaan.

BERAKAS, Selasa, 13 Januari. - Dalam pandangan Islam, kesihatan tidak pernah dilihat secara terpisah, sebaliknya difahami sebagai keseimbangan antara jasmani, emosi, akal dan rohani.

Amalan rukyah, yang berlandaskan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa yang sahih daripada Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah merupakan sebahagian daripada ikhtiar kerohanian yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah, menenangkan jiwa dan memohon perlindungan daripada segala bentuk mudarat.

Rukyah yang difahami secara ilmu adalah berupaya menjadi sumber ketenangan, harapan dan kekuatan rohani, khususnya bagi individu yang sedang berhadapan tekanan hidup,

keresahan emosi dan ujian kesihatan.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Menteri Kesihatan, **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, pada Majlis Pelancaran Buku Baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) bertajuk 'Ayat-ayat Al-Qu'ran Selaku Rukyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh' yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini pagi tadi.

Jelas **Yang** Berhormat, penerbitan buku rukyah yang dilancarkan berkenaan amat signifikan kerana ia bukan sekadar menghimpunkan bacaan dan amalan tetapi peranan sebagai panduan berdisiplin, membantu masyarakat membezakan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

antara amalan rukyah yang sahih dengan amalan yang tidak berlandaskan ilmu, serta mengelakkan penyalahgunaan yang boleh menjejaskan akidah, kesihatan dan keselamatan individu.

"Buku ini turut menyumbang kepada pembinaan kefahaman yang matang, bahawa amalan kerohanian perlu dipandu oleh ilmu, hikmah dan tanggungjawab.

"Sebagaimana yang difahami, Kementerian Kesihatan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat, khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD)," ujar **Yang** Berhormat.

Dalam pada itu, **Yang** Berhormat mengongsikan bahawa Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan JMK, Jabatan Perdana Menteri selaku respons kepada titah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 2024 telah pun merangka beberapa inisiatif dalam usaha menerapkan langkah bersepadu bagi perubatan moden dan perubatan Islam dalam usaha menangani isu penyakit mental.

Di antara inisiatif berkenaan tambah **Yang** Berhormat, insyaaAllah, salah satu institusi pendidikan tinggi di NBD akan ikut serta, iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang akan berperanan dalam membantu mempersiapkan keperluan sumber tenaga manusia dengan memperkenalkan program pembangunan kapasiti dan kemahiran bagi membantu

mempersiapkan para individu dengan ilmu dan kemahiran yang relevan bagi tujuan memberikan rawatan dalam konteks perubatan Islam.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai peranan perubatan moden dalam menangani kesihatan mental, yang kini diiktiraf sebagai salah satu tumpuan kesihatan awam di NBD.

Perubatan moden hari ini, kata **Yang** Berhormat, berpaksikan pendekatan berasaskan bukti (*evidence-based*), yang menilai kesihatan mental sebagai keadaan klinikal yang boleh dicegah melalui intervensi awal, dirawat melalui rawatan perubatan dan psikologi yang sesuai dan dipulihkan melalui sokongan berterusan serta pemerikasaan sosial.

"Penyakit seperti kemurungan, gangguan keresahan, trauma dan tekanan emosi bukanlah kelemahan iman atau peribadi tetapi keadaan kesihatan yang memerlukan penilaian profesional, rawatan yang selamat dan sokongan menyeluruh.

"Perubatan moden mengamalkan pendekatan yang melihat pesakit sebagai insan yang menyeluruh, iaitu aspek biologi, melalui rawatan perubatan yang selamat dan terkawal, aspek psikologi, melalui kaunseling, psikoterapi dan intervensi emosi dan aspek sosial, melalui sokongan keluarga, komuniti dan persekitaran yang kondusif.

"Pendekatan ini menegaskan bahawa kesihatan mental tidak boleh ditangani secara terpisah, sebaliknya memerlukan kerjasama pelbagai disiplin dan sektor," jelas **Yang** Berhormat.

Dalam kerangka berkenaan tambah **Yang** Berhormat, adalah penting untuk kita memahami bahawa rukyah dan perubatan moden tidak seharusnya dilihat sebagai dua pendekatan yang saling bercanggah.

Sebaliknya jelas **Yang** Berhormat, dengan kefahaman yang betul, kedua-duanya boleh saling melengkapi dalam kerangka yang beretika, berilmu dan bertanggungjawab.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, rukyah boleh berperanan sebagai pelengkap kepada sokongan spiritual, penguat ketenangan jiwa, dan pemeriksa daya tahan emosi. Manakala, perubatan moden pula memastikan diagnosis yang tepat, rawatan klinikal yang selamat serta perlindungan keselamatan pesakit.

Kesepaduan berkenaan jelas **Yang** Berhormat, apabila dilaksanakan dengan garis panduan yang jelas, dapat meningkatkan keberkesanan rawatan dan kesejahteraan pesakit secara menyeluruh.

>> Muka 6



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

Amalan rukyah ikhtiar ketuhanan mengubati segala penyakit



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Pelancaran Buku Baharu yang bertajuk 'Ayat-ayat Al-Qu'ran Selaku Rukyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh'.

>> Muka 1

Pada majlis berkenaan juga, **Yang** Berhormat Mufti Kerajaan telah menyampaikan satu sesi tazkirah dan bedah buku bagi meningkatkan pemahaman terhadap kandungan buku berkenaan.

Dalam tazkirah dan bedah buku berkenaan, **Yang** Berhormat Mufti Kerajaan bersetuju dengan pendekatan **Yang** Berhormat Menteri Kesihatan, bahawa kesihatan tidak patut dilihat secara terpisah tetapi adalah seimbang antara jasmani, emosi, akal dan rohani, lalu amalan rukyah adalah merupakan ikhtiar ketuhanan untuk mengubati segala penyakit, khasnya penyakit mental.

Ini kata **Yang** Berhormat, dapat dibuktikan dari ayat-ayat Al-Quran sebagai rukyah (jampi) atau doa yang ada terakam dalam Al-Quran, sebagaimana firman Allah di dalam Surah Al-Isra' ayat 82, tafsirnya : "Dan Kami turunkan dari Al-Quran sesuatu yang jadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman. Dan Al-Quran itu tiadalah

menambah untuk orang-orang yang zalim kecuali kerugian jua".

Yang Berhormat juga turut mengongsikan beberapa contoh peristiwa di zaman nabi dengan seorang sahabat menggunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai rukyah untuk mengubati seorang ketua kaum daripada bisa sengatan kala jengking dengan Surah Al-Fatihah dan setelah itu, ketua kaum itu pun sembuh dengan tidak meninggalkan sebarang kesan sampingan dan hal itu Baginda Rasulullah mengakui Al-Fatihah adalah jampi (rukya).

"Tidak diragukan lagi, rukyah dengan Al-Quran adalah ubat hebat. Kerana rukyah datangnya dari farmasi Allah. Tidak sama dengan ubat-ubatan biasa dari farmasi manusia. Siapakah yang boleh mengatasi ilmu Allah? Tidak ada," tegas **Yang** Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menceritakan peristiwa yang benar berlaku di negara ini, apabila seorang wanita tempatan yang juga merupakan penulis buku bertajuk 'Al-Quran Terapi Kanser Bersumberkan Ayat-ayat Suci

Al-Quran' yang telah sembuh daripada penyakit kanser payudara.

"Saya melihat beliau adalah seorang yang sangat tabah, tidak pernah mengenal putus asa. Keyakinannya kuat, tidak pernah undur dari Allah. Jika Allah berkehendak dia sembuh, dia pasti sembuh. Itulah keyakinannya.

"Lalu atas asas ini, di samping menjalani perubatan moden, dia juga tidak mengabaikan rawatan ketuhanan, dengan doa-doa memohon rahmat. Dengan membaca Al-Quran dan minum air 'betawari'.

"Akhirnya dengan kehendak Allah serta yakin dan konsisten menjampi diri dengan Al-Quran, maka Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin telah sembuh dari kanser, sembuh yang amat menakutkan.

"Tahun 2011 diserang kanser, sehingga sekarang sudah 15 tahun setelah sembuh, beliau tetap sihat dan aktif dengan kerja-kerja kebajikan," ujar **Yang** Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, perkara yang sama pernah berlaku kepada seorang wanita warga Maghribi yang menderita penyakit barah setelah berjumpa dengan ramai doktor namun mereka gagal merawatnya, malah tempoh hayatnya pun sudah diramal cuma tinggal dalam hitungan hari sahaja.

Dalam keadaan tidak ada lagi harapan tambah **Yang** Berhormat, tiba-tiba dia teringat untuk melakukan umrah. Maka dia pun bertolak ke Mekah. Di Mekah, dia duduk di Masjid al-Haram beriktikaf dan memenuhi masanya dengan membaca banyak-banyak Al-Quran, sambil berpuasa dan bersungka dengan air zam-zam.

Menurut pengarang Buku 'Rawat Dirimu Dengan Al-Quran', kata **Yang** Berhormat lagi, wanita Maghribi berkenaan, setelah melakukan perkara tersebut hampir sebulan,

maka dengan tiba-tiba dia merasakan ada perubahan ganjil pada dirinya. Dia berasa dia kuat, bertenaga dan cergas. Lalu dia pun pergi ke doktor minta diperiksa dan alangkah terkejut besar dia, apabila diberitahu bahawa dia adalah bersih atau bebas dari barah, dalam makna dia telah sembuh.

Seterusnya **Yang** Berhormat berkongsi, diceritakan sekitar 790 tahun yang lampau, mengenai seorang ulama amat masyhur, al-Imam Ibnul Qayyim al-Jawziyyah Rahimahullah telah bercerita mengenai dirinya yang jatuh sakit serta tidak mampu untuk mendapatkan doktor mahupun ubat, lalu beliau berubat sahaja dengan ayat-ayat Al-Quran dengan membacakan ayat-ayat Quran ke atas air zam-zam, kemudian beliau minum sehingga beliau beroleh kesembuhan, dan pada kebanyakan penyakit beliau hanya berubat dengan Al-Quran.

"Contoh lain berlaku sekitar 1050 tahun yang lampau, Asy-Syeikh Abul Qasim al-Qusyairi Rahimahullah telah menceritakan tentang anaknya yang sakit sehingga beliau mengalami tekanan perasaan amat berat. Namun, setelah bertemu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dia pun mengadu kepada Baginda, lalu Baginda bersabda kepadanya tentang ayat-ayat Asy-Syifa (Ayat-ayat Penyembuh).

"Setelah beliau terjaga, dia pun merujuk Al-Quran mencari ayat-ayat asy-Syifa yang ada enam tempat semuanya di dalam Al-Quran, lalu beliau menulis ayat-ayat tersebut di kertas dan merendamnya di air dan diberikan minum kepada anaknya, dan anaknya telah sembuh dengan serta merta.

"Justeru melalui beberapa contoh peristiwa tersebut, saya percaya ia mampu memberikan kefahaman bahawa rukyah (jampi) dengan

menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa adalah tidak boleh disangkal lagi keberkatan dan kemujarabannya.

"Berdasarkan inilah, saya terpenggil untuk menulis buku kecil bertajuk 'Ayat-ayat Al-Qu'ran Selaku Rukyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh'. Saya tegaskan, buku ini jauh sekali dari lengkap. Ia cuma, baru sekadar untuk menggamit kesedaran melakukan rukyah, di samping sedia lazim kita berawat dengan perubatan moden," ujar **Yang** Berhormat.

Dalam makna berkenaan, **Yang** Berhormat amat mendukung hasrat raja dalam titah baginda bersempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 2024 bahawa baginda mengingatkan supaya kesihatan mental terus dijaga, bukan setakat merawat dengan rawatan biasa yang sedia ada, tetapi baginda juga mahu ialah rawatan bersepadu iaitu rawatan cara Islam.

Majlis diteruskan dengan penyampaian wakaf buku yang disampaikan oleh **Yang** Berhormat Menteri Kesihatan, dan majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pengiran Zamiri.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyampaikan tazkirah.

AARON ANG WEN ZI TERIMA BIASISWA PT ABDB 2025



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir menyaksikan majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil biasiswa dan cenderamata kepada penerima (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BOLKIAH GARISON, Selasa, 13 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Penganugerahan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PT ABDB) bagi Tahun 2025 kepada seorang penuntut cemerlang.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian dan Penganugerahan Biasiswa PT ABDB bagi Tahun 2025 berlangsung hari ini di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, di sini.

Hadir menyaksikan majlis tersebut dan menyempurnakan penyampaian sijil biasiswa dan cenderamata kepada penerima Biasiswa PT ABDB ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Penerima Anugerah Biasiswa PT ABDB pada tahun ini merupakan penuntut lepasan dari Pusat Tingkatan Enam Sengkuning yang telah menamatkan pengajian Peringkat 'A' Level.

Awang Aaron Ang Wen Zi akan melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Data Science di University of Melbourne, Australia. Penerima biasiswa berkenaan akan menceburi kerjaya dalam Perkhidmatan Awam di Kementerian Pertahanan setelah tamat pengajian kelak.

Turut hadir pada majlis ini ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan, Ahli-ahli Badan Penilaian Biasiswa PT ABDB 2025 dan ibu bapa serta penjamin - penjamin penerima biasiswa.

Biasiswa PT ABDB merupakan salah satu skim biasiswa yang berprestij di Negara Brunei Darussalam. Tujuan utama penganugerahan skim biasiswa ini adalah untuk melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang cemerlang bagi menyumbang kepada perkembangan negara, khususnya dalam bidang pertahanan dan sekuriti.

Sambutan Israk, Mikraj Peringkat Negara pada 17 Januari ini

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Januari. - Israk dan Mikraj merupakan satu peristiwa agung yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bagi memperingati dan menghayati peristiwa agung tersebut yang jatuh pada setiap 27 Rejab, Negara Brunei

Darussalam akan menyambut Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah pada Sabtu, 27 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 17 Januari 2026 Masihi, bermula pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan tema 'Sembahyang Teras Modal

Insan Cemerlang'.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini akan diisi antara lain dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Tadabbur, persembahan selawat dan ceramah. Majlis pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kesihatan dan Progresif Sdn. Bhd.



MAJLIS SAMBUTAN ISRA' MI'RAJ
PERINGKAT NEGARA 1447 HIJRAH

٢٧ رجب ١٤٤٧ هـ
١٧ جانواري ٢٠٢٦ م

برقيقت : دقوست قرسيدغن انتارا بقسا براكس

27 REJAB 1447 HIJRAH BERSAMAAN
17 JANUARI 2026 MASIHI

BERTEMPAT: DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERAKAS

تيماء سمبيغ ترس مودل انسان چمرلغ

TEMA: SEMBAHYANG TERAS MODAL INSAN CEMERLANG

2382525 \ 2382301 \ 2382302 WWW.MORA.GOV.BN KHEU.BRUNEI



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KONGSI PERKEMBANGAN TERKINI DASAR, INISIATIF JPM

>> Muka 1

Sesi Muzakarah bertujuan memperkukuh pertukaran pandangan dan perbincangan secara konstruktif antara pihak kerajaan dan Ahli-ahli MMN, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 2025 bagi meningkatkan keberkesanan perbincangan serta pelaksanaan dasar negara.

Antara perkara utama yang dikongsikan adalah perkembangan terkini dasar dan inisiatif di JPM, merangkumi perkembangan Wawasan Brunei 2035, pembangunan tenaga manusia dan pekerjaan, sekuriti dan undang-undang, tadbir urus Perkhidmatan Awam (PA), sektor media serta sektor tenaga.

Perkongsian berkenaan menekankan pencapaian semasa, inisiatif strategik dan langkah penambahbaikan berterusan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara secara inklusif dan mampan.

Berhubung Wawasan Brunei 2035, perkongsian menggariskan pencapaian semasa Pengukur Aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan penekanan terhadap kepentingan penglibatan inklusif dan kerjasama berterusan melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation bagi memastikan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 memberi impak langsung terhadap pembangunan ekonomi



SESI Muzakarah berkenaan dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

dan kesejahteraan rakyat secara berdaya tahan dan inklusif.

Daripada aspek pembangunan tenaga manusia dan pekerjaan pula, pengangguran ditangani melalui usaha penyediaan peluang pekerjaan khususnya bagi rakyat tempatan, hasil daripada pelaksanaan program-program peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran, termasuk melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP).

Manakala, dalam bidang sekuriti dan undang-undang pula, usaha kerajaan dalam memelihara keselamatan negara terus

diperkukuh melalui penguatkuasaan undang-undang, akses kepada keadilan serta kerjasama perundangan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Seterusnya, perkongsian memfokuskan terhadap transformasi PA melalui penambahbaikan dasar, pembangunan kepimpinan serta pendigitalan perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan kedayatahan penyampaian perkhidmatan berteraskan rakyat (*citizen-centric*).

Peranan sektor media sebagai

saluran utama penyampaian maklumat rasmi dan pengukuhan kepercayaan rakyat turut diberi penekanan.

Dalam sektor tenaga pula, usaha berterusan dilaksanakan bagi memastikan keterjaminan bekalan, mendukung kestabilan ekonomi, perlindungan pekerjaan tempatan serta peralihan berperingkat ke arah tenaga boleh diperbaharui.

Ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II diikuti dengan ucapan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

balas daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa dan disusuli dengan sesi perbincangan di antara Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dan pihak JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sesi Muzakarah mencerminkan komitmen berterusan JPM untuk bekerjasama rapat dengan Ahli-ahli MMN melalui pendekatan Whole of Nation dalam memajukan agenda pembangunan negara dan memastikan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

NBD, Republik Singapura memperkukuh hubungan dua hala

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETUA Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng semasa berucap.

JERUDONG, Isnin, 12 Disember. - Selama beberapa dekad, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura telah memupuk dan memperkukuh hubungan dua hala yang kukuh.

Perkembangan positif berkenaan jelas dilihat dalam interaksi ketenteraan, dengan kerjasama antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Singapore Armed Forces (SAF) terus berkembang menjadi lebih pelbagai, maju, dan strategik.

Sehubungan itu, Majlis Makan Malam sempena Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Pertahanan Antara Republik Singapura dan NBD diadakan malam tadi bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng semasa berucap pada majlis berkenaan menekankan akan kepentingan hubungan pertahanan bilateral yang kukuh dan lama antara Republik Singapura dan NBD, yang membolehkan kedua-dua buah negara bekerjasama dengan baik selama 50 tahun.

"Saya yakin bahawa NBD dan Republik Singapura bukan sahaja akan mengekalkan apa yang telah kita bina selama 50 tahun yang lalu tetapi akan terus memperkukuh perkongsian kita, menyesuaikan diri dengan cabaran baharu, dan menyumbang secara bermakna kepada keamanan dan kestabilan di rantau kita untuk beberapa



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

dekad yang akan datang," tambah Tuan Yang Terutama lagi.

Bagi meraikan mercu tanda penting berkenaan, TYT dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan telah bersama-sama melancarkan Logo Ulang Tahun Ke-50 (SG-BRU 50).

Logo berkenaan melambangkan ikatan erat yang dibina atas asas saling pengiktirafan, kepercayaan, dan

kesetiaan, serta akan dipakai oleh anggota SAF dan ABDB semasa interaksi bilateral sepanjang tahun.

Bulan ini, Tentera Singapura dan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) sedang menjalankan Edisi Ke-29 Latihan Maju Bersama yang melibatkan peserta dari Ibu Pejabat, 2 Brigid Infantri Singapura (Headquarters, 2nd Singapore Infantry Brigade - HQ 2 SIB), Batalion Pertama, Rejimen Infantri Singapura (1st Battalion,

Singapore Infantry Regiment - 1 SIR) dan Batalion Pertama TDDB, serta Edisi Ke-25 Latihan Rintis Bersama yang melibatkan peserta dari pasukan Jurutera Tempur Singapura dan Rejimen Jurutera TDDB.

Kedua-dua angkatan tentera juga berinteraksi secara tetap melalui latihan bilateral lain seperti Latihan Pelican dan Latihan Airguard, serta lawatan berkala, penyertaan silang kursus, dan pertukaran profesional.

PELAJARI KEPELBAGAIAAN BUDAYA, PERSPEKTIF BAHARU

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke SSEAYP Ke-49 berlangsung di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

"Sebagai Duta NBD, saya menyeru awda semua untuk sentiasa menjunjung tinggi tahap disiplin, integriti dan tatakelakuan yang tertinggi.

"Biarlah setiap tindakan awda

mencerminkan nilai-nilai hormat-menghormati, toleransi dan kerjasama yang menjadi teras jati diri negara kita.

"Berbanggalah untuk berkongsi budaya, pencapaian dan aspirasi NBD, di samping bersikap terbuka untuk mempelajari kepelbagaian budaya dan perspektif yang akan awda temui," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, sejak penubuhannya pada 1974, SSEAYP menjadi salah satu inisiatif pertukaran belia berprestij yang menghimpunkan pemimpin muda dari Asia Tenggara dan Jepun.

NBD tambah Yang Berhormat,

menjadi peserta aktif dalam program berprestij berkenaan sejak 1985, dan sepanjang tempoh tersebut, para belia kita telah banyak memperoleh manfaat daripada platform berkenaan.

"Kepada para delegasi, pemilihan awda untuk mewakili NBD bukan sahaja merupakan satu pencapaian peribadi, malah satu amanah negara. Awda telah dipilih berdasarkan potensi kepimpinan, sahsiah diri, serta komitmen untuk menyumbang secara bermakna di peringkat kebangsaan dan serantau.

"Apabila awda menerima bendera negara pada hari ini, awda memikul tanggungjawab untuk membawa bersama nilai-nilai, budaya dan identiti negara tercinta kita," kata Yang Berhormat.

Sepanjang program berkenaan

jelas Yang Berhormat lagi, para delegasi akan terlibat dalam perbincangan mengenai isu-isu serantau dan global, menyertai pertukaran budaya, aktiviti penglibatan komuniti, serta sesi pembangunan kepimpinan.

Oleh itu, Yang Berhormat amat menggalakkan para delegasi untuk merebut setiap peluang, belajar daripada orang lain, berkongsi pandangan, serta membina persahabatan dan jaringan yang berkekalan dengan rakan belia dari Negara-negara Anggota ASEAN dan Jepun.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pengalaman berkenaan akan meluaskan perspektif mereka dan memperkukuh keupayaan untuk menyumbang secara berkesan kepada masyarakat sekembalinya mereka nanti.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke SSEAYP Ke-49.

16 belia ikuti SSEAYP Ke-49



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera negara berkenaan (atas dan kanan).

BERAKAS, Isnin, 12 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan menghantar seramai 16 belia dan seorang ketua delegasi (National Leader) bagi mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-49 selama 35 hari, bermula pada 14 Januari hingga 17 Februari 2026 di Tokyo, Jepun.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada delegasi NBD ke SSEAYP 49 diadakan bertempat di Bilik Simpur, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera negara berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim, diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan kepada Awang Ibrahim bin Sabli selaku Ketua Delegasi NBD Ke SSEAYP 49 dan diselajurkan dengan penyerahan tiket penerbangan kepada ketua delegasi oleh Deputy Chief of Mission / Counsellor dari Kedutaan Jepun di NBD, Miura Keiko.

Majlis turut menyaksikan ikrar daripada delegasi NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

Delegasi NBD terdiri daripada lapan lelaki dan lapan perempuan berumur antara 18 hingga 30 tahun, diketuai oleh seorang Ketua Belia, Awang Muhammad Irham bin Awang Roslan, dan seorang Penolong Ketua Belia, Dayang Berlyanna Indah Yordhana binti Jefry.

Sebanyak enam tajuk utama akan dibincangkan semasa program dijalankan nanti, iaitu Quality Education, Economic Growth and Sustainable & Responsible Tourism, Global Environment and Climate Change, Disaster Reduction and Recovery, Social Welfare and Inclusion dan Digital Society and AI.

Tema perbincangan berkenaan dipilih daripada Implementation Plan of the Joint Vision Statement on ASEAN-Japan Friendship and



Cooperation Trusted Partners yang diterima pakai dalam Sidang Kemuncak Bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 17 Disember 2023 di Tokyo, Jepun.

Program pada edisinya kali ini akan membuat persinggahan ke dua buah negara, iaitu Thailand dan Republik Singapura, dengan pengisian program termasuk

pertemuan bersama pembesar negara, program tinggal bersama keluarga angkat, sesi interaksi bersama peserta tempatan, kajian lapangan dan banyak lagi.

Program antara lain bertujuan untuk mempromosi persahabatan dan persefahaman bersama dalam kalangan belia Jepun dan Negara Anggota ASEAN khususnya NBD, selain dapat

meluaskan perspektif para belia tentang dunia dan seterusnya mengukuhkan semangat kerjasama antarabangsa dan kemahiran praktikal para belia untuk kerjasama antarabangsa.

Hasilnya, ia diharapkan dapat memupuk pemimpin generasi pelapis yang berkemampuan untuk menggunakan kemahiran kepimpinan dalam pelbagai bidang dalam masyarakat globalisasi.

Rukyah pelengkap sokongan spiritual, penguat ketenangan jiwa

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 3

Pendekatan yang seimbang antara kerohanian dan perubatan moden, ujar Yang Berhormat, juga membawa nilai tambah kepada sistem kesihatan negara, antaranya mengurangkan stigma terhadap penyakit mental, meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap rawatan profesional dan menggalakkan intervensi awal serta memperkukuh sokongan komuniti dan keluarga.

"Pendekatan ini selari dengan hasrat negara untuk membina masyarakat yang sihat, berdaya tahan dan sejahtera, bukan sahaja dari sudut fizikal, tetapi juga mental dan rohani.

"Usaha seperti penerbitan buku rukyah ini juga sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja, yang menekankan keseimbangan antara ilmu, iman dan kebajikan rakyat, ia mencerminkan kesungguhan kita untuk membangunkan insan secara holistik, berteraskan nilai agama, kemanusiaan dan profesionalisme.

"Dengan itu, saya berharap agar buku rukyah ini dapat dimanfaatkan secara meluas sebagai sumber ilmu yang membimbing, mendidik dan menyatukan kefahaman masyarakat dalam menangani cabaran kesihatan mental dan kesejahteraan rohani secara berhemah, selain terus memperkukuh kerjasama antara ilmuwan agama, profesional kesihatan dan masyarakat, demi melahirkan rakyat yang sihat tubuh badan dan sejahtera minda," ujar Yang Berhormat lagi.

TINJAU PELAKSANAAN PENDIDIKAN UGAMA BAGI PERSEKOLAHAN UMUM



SENGKURONG, Selasa, 13 Januari. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan petang tadi membuat Lawatan Kerja ke Sekolah Rendah Sengkurong

dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Al-Kalthum Al-Islam, Mulaut bagi meninjau pelaksanaan pendidikan ugama bagi persekolahan umum peringkat rendah dan persekolahan ugama di negara ini.

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membuat Lawatan Kerja ke salah sebuah sekolah (kiri), manakala gambar kanan, antara pelajar sekolah ugama yang hadir pada sesi pembelajaran berkenaan.

Semasa lawatan ke Sekolah Rendah Sengkurong, selain pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam kelas, tumpuan juga diberikan terhadap penggunaan Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 3 yang telah diperkenalkan baru-baru ini.

Buku teks baharu ini merupakan salah satu titik kejayaan bagi pelaksanaan Pengintegrasian Mata pelajaran Ugama ke dalam Sistem Pendidikan Umum, yang mana melalui penggunaan buku teks tersebut akan menjadi pemangkin kepada pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik, menyeronokkan dan bermakna bagi para pelajar sekolah rendah di seluruh negara. Manakala, semasa membuat

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Al-Kalthum Al-Islam, Mulaut, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama membuat tinjauan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi Persekolahan Ugama.

Antara yang menjadi tumpuan ialah pelaksanaan Pendidikan Ugama bagi para murid yang Berkeperluan Khas yang menjadi salah satu tanggungjawab pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mendukung hasrat pendidikan inklusif di negara ini.

39 pegawai sertai Kursus Maktab Turus Sesi Ke-16



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Manakala gambar bawah kiri, upacara pengibaran bendera negara-negara peserta.

Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Perwakilan-perwakilan dari Kedutaan luar Negeri ke Negara Brunei Darussalam, wakil dari PPDB, Pegawai-pegawai Kanan ABDB serta Penasihat-penasihat / Atase-atase Pertahanan Luar Negara ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Al-Anfal, ayat 60 hingga 66 diketuai oleh wakil peserta kursus, Mejar Pengiran Haji Abdul Malik bin Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham, diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat dan upacara mengibarkan bendera negara - negara peserta.

Upacara pengibaran bendera tersebut melambangkan hubungan kerjasama yang erat dan persefahaman yang sangat baik antara negara-negara yang mengambil bahagian dalam kursus ini, di samping menekankan kepentingan untuk menjalin persahabatan dan jaringan profesional sepanjang tempoh kursus.

Kursus Maktab Turus Sesi 16 / 2026 yang kini memasuki Edisi Ke-16, bertujuan meningkatkan kecekapan profesional dan akademik para peserta dalam memahami dan menangani persekitaran strategik semasa serta implikasinya terhadap pertahanan dan keselamatan.

Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama UBD, yang berperanan sebagai penyedia akademik utama di sepanjang tujuh tahun lalu.

Di penghujung kursus, peserta yang berjaya akan dianugerahkan kelayakan Passed Staff Course (Joint) - psc (j) daripada pihak AP ABDB dan Master in Defence and Security Studies daripada pihak UBD.

TANAH JAMBU, Selasa, 13 Januari. - Seramai 39 pegawai menyertai Kursus Maktab Turus Sesi Ke-16 yang akan berlangsung selama 46 minggu.

Para peserta terdiri daripada 20 pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seorang pegawai daripada Kementerian Pertahanan, seorang pegawai daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Peserta juga terdiri daripada 17 pegawai tentera antarabangsa daripada 13 negara iaitu dari Kerajaan Bahrain, Republik Rakyat Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Republik India, Kerajaan

Hasyimiyah Jordan, Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Kerajaan Arab Saudi, Republik Singapura dan Kerajaan Thailand.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Kursus Maktab Turus berkenaan berlangsung pagi tadi di Auditorium Akademi Pertahanan ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor



Keadaan cuaca aktif sehingga 16 Januari ini

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa pertama Monsun Timur Laut, yang turut dikenali sebagai Musim Tengkujuh.

Dalam tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu, dengan kejadian hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat. Keadaan cuaca aktif diramalkan berlaku bermula malam ini, 13 Januari 2026 sehingga malam Jumaat, 16 Januari 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka akan menjejaskan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 50kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, iaitu di antara 0.5 hingga 1.4 meter.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan.

Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin

kencang. Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit iaitu Brunei WX. Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram serta WhatsApp [Brunei Weather](https://www.whatsapp.com/channel/00299111111111111111).

Kongsi maklumat terkini inisiatif digital, landskap infokomunikasi negara

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

TELANAI, Isnin, 12 Januari. - Sesi Dialog berkenaan Infocom Federation Brunei (IFB) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah diadakan pagi tadi, bertujuan untuk memperkukuh hala tuju sektor infokomunikasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara yang hadir dalam Sesi Dialog berkenaan, Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Manakala pihak IFB diwakili oleh Naib Pengerusi (Vice Chairman) IFB, Awang Haji

ANTARA yang hadir dalam Sesi Dialog berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan), manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar Sesi Dialog tersebut.

Mohammad Radziman bin Haji Abd. Rahman; dan Timbalan Pengerusi Industri IFB, Dr. Yong Chee Tuan.

Sesi Dialog berkenaan berfungsi sebagai platform strategik bagi IFB untuk memberi taklimat kepada Ahli-ahli MMN mengenai status semasa serta rancangan masa depan sektor infokomunikasi negara.

Selain itu, ia juga bertujuan menyelaraskan strategi digital negara dengan visi Wawasan



Brunei 2035, dengan penekanan terhadap infrastruktur digital, keselamatan siber, dan keupayaan digital sebagai tunjang kemajuan negara.

Dalam sesi berkenaan, IFB menegaskan komitmen mereka terhadap akauntabiliti, ketahanan, dan kepentingan jangka panjang negara. Selain itu, dialog berkenaan juga menjadi medium untuk berkongsi maklumat terkini mengenai inisiatif digital, membincangkan cabaran semasa sektor berkenaan, serta menggariskan tindakan tegas yang sedang dijalankan bagi memperkukuh landskap infokomunikasi NBD.

Selain itu, IFB menekankan kepentingan penglibatan secara kolaboratif antara sektor awam

dan swasta. Melalui dialog bersama Ahli-ahli MMN, pihak berkepentingan berpeluang menyuarakan kebimbangan serta pandangan mereka terus kepada pembuat dasar. Sesi berkenaan juga menyediakan ruang untuk membincangkan proses perundangan, keutamaan negara, serta penyelesaian praktikal terhadap isu-isu yang memberi impak kepada komuniti dan industri, sejajar dengan usaha memajukan ekonomi digital negara.

Pada masa yang sama, inisiatif berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama strategik dalam memajukan sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) NBD, sambil meneroka peluang dan projek



masa depan yang menyokong hala tuju pembangunan negara.

MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN ZAKAT, WAKAF, BAITULMAL



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program Kembara Zakat 2026 di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir mempengerusikan program berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Terdahulu itu, program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan

ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan).

Sesi taklimat disampaikan oleh Pemangku Pengarah JUZWAB, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra, disusuli dengan sesi soal jawab.

Program Kembara Zakat 2026 diadakan bagi menyampaikan maklumat serta memberikan penerangan kepada penghulu dan ketua-ketua kampung berkaitan pengurusan permohonan bantuan zakat, perkhidmatan JUZWAB di bawah Sistem Kebajikan Negara (SKN) serta pengenalan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mempengerusikan Program Kembara Zakat 2026 dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas kiri dan atas).

mengenai wakaf dan Baitulmal.

Selain itu, ia juga dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan pengurusan zakat, wakaf dan Baitulmal di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, Program Kembara Zakat 2026 juga memuatkan Klinik Zakat yang dibukakan bagi memberikan panduan dan bantuan berhubung tatacara permohonan SKN, pengiraan zakat, pengiraan Fidyah dan lain-lain serta lain-lain

perkara yang berkaitan.

Program diadakan selama empat hari bermula hari ini di Daerah Brunei dan Muara, dan di daerah-daerah lain iaitu pada Rabu, 24 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 14 Januari 2026 Masihi, bermula 8.30 pagi di Dewan Intisar, Jabatan Daerah Belait; Khamis, 25 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 15 Januari 2026 Masihi, bermula 8.30 pagi di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong; dan Isnin, 29

Rejab 1447 Hijrah bersamaan 19 Januari 2026 Masihi, bermula 8.30 pagi di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya program ini akan dapat menjalinkan kerjasama yang lebih aktif khususnya bagi mempermudah pengurusan bantuan serta penyampaian perkhidmatan ugama kepada anak buah kampung masing-masing.

PROGRAM WISE : MEMPERLUASKAN JALINAN RAKAN STRATEGIK

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PROGRAM WISE atau Wargamas Inspirasi Ekonomi yang diadakan di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Januari. - Program WISE atau Wargamas Inspirasi Ekonomi anjuran Pertubuhan WARGAMAS diadakan selama dua hari, bermula hari ini, di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Pogram berkenaan dianjurkan dengan kerjasama YSHHB, Bank Usahawan, D'Sunlit Sendirian Berhad dan Kompleks Bangunan YSHHB, serta dikendalikan bersama oleh Biro Ekonomi dan Biro Warganita, Pertubuhan WARGAMAS.

Program tersebut mencerminkan usaha berterusan pertubuhan berkenaan dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai Wawasan Negara 2035 melalui pendekatan Whole of Nation.

Majlis Pelancaran Program WISE berlangsung pagi tadi di Lobi, Kompleks YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), Awang Iswandy bin Ahmad dan seterusnya melancarkan program berkenaan selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, merangkap Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Turut hadir, Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang

Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Pengerusi Majlis.

Program WISE mengetengahkan Tamu Bulanan yang disertai 18 vendor dari Pertubuhan WARGAMAS dan lima vendor dari YSHHB.

Program berkenaan turut dimeriahkan dengan beberapa peraduan merangkumi empat kategori yang dibukakan kepada Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS, YSHHB dan Bank Usahawan, iaitu Peraduan Memasak (Ikan Rebus), Peraduan Mengubah Bunga Hidup, Peraduan Kraf Tangan atau Kreatif, serta Peraduan Menganyam ketupat.

Program berkenaan juga berfungsi sebagai platform untuk memperluaskan jalinan rakan strategik dan kolaborasi antara Pertubuhan WARGAMAS dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Di samping itu, program berkenaan menjadi saluran untuk menjana sumber kewangan melalui potensi, kemahiran dan pengalaman peserta, selain mencungkil bakat baharu serta mengembangkan potensi sedia ada untuk disebarluaskan ke peringkat nasional melalui penganjuran peraduan dan pameran berkaitan bidang memasak, menjahit, gubahan bunga hidup, urusan rumah tangga serta hal ehwal wanita dan wargawira.

Sebagai pengiktirafan terhadap penglibatan dan usaha Ahli Pertubuhan WARGAMAS serta



PENOLONG Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial), Awang Iswandy bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

rakan strategik, produk yang dihasilkan melalui program berkenaan akan dijadikan sebagai inspirasi dalam menjana ekonomi yang lebih terjamin, khususnya kepada warga emas dan generasi muda di Negara Brunei Darussalam.

Usaha berkenaan juga dihasratkan dapat meningkatkan lagi produktiviti sebagai *trade mark* Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang ekonomi, di samping mengeratkan silaturahim dan mahabah antara ahli, rakan strategik serta orang awam.

Sejak 2024, pertubuhan berkenaan melalui Biro Ekonomi dan Biro Warganita telah memulakan misi untuk menjana sumber kewangan pertubuhan serta meningkatkan pendapatan ahli terutama golongan wanita

yang aktif dalam bidang perniagaan.

Kolaborasi antara kedua-dua biro berkenaan berperanan sebagai jentera utama dalam menjana sumber kewangan berasaskan kemahiran dan pengalaman ahli Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang urusan rumah tangga seperti memasak, menjahit, menyulam, kraf tangan, gubahan bunga hidup dan perhiasan, selain hal ehwal wanita.

Pendekatan berkenaan dilihat sebagai satu penyaluran yang sihat ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, yang menekankan rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran, memiliki kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Semai cinta terhadap raja, agama, bangsa, negara

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



BELAIT, Isnin, 12 Januari. - Jabatan Penerangan hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Daerah Belait.

PEGAWAI Luar Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Zurairah binti Haji Lisa semasa menyampaikan taklimat berkenaan.

Seramai 48 penuntut Tahun 7 Sekolah St. John, Kuala Belait, menghadiri Taklimat Kenegaraan yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Zurairah binti Haji Lisa bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir, Guru Kanan sekolah berkenaan, Awang Matthew Lim Toh Loy, berserta tenaga pengajar.

Kuiz Kenegaraan juga diadakan bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan.

Para pemenang kuiz menerima

hadiah sumbangan Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Kenegaraan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap

raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



ANTARA penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan (atas dan bawah). Sementara gambar kiri, sesi bergambar ramai pada program tersebut.



Memiliki Dua Sifat Mustahiq Zakat : Bolehkah Menerima Dua Bahagian Asnaf?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT, selain fungsinya membantu dan menyantuni orang-orang yang berhak menerimanya, ia juga adalah salah satu mekanisme yang berperanan dalam mendekatkan jurang perbezaan di antara golongan kaya dan golongan yang tidak berkemampuan dalam sesebuah negara dengan menyeimbangkan pemanfaatan harta agar harta tidak hanya berada di tangan golongan kaya sahaja.

Oleh kerana itu, orang yang berkemampuan dari kalangan umat Islam diperintahkan untuk mengeluarkan zakat apabila memenuhi syarat wajib berzakat dan afdhal menyerahkannya kepada pemerintah atau naibnya untuk dapat diagihkan secara teratur.

Harta zakat wajib diagihkan kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, *muallaf*, *fi ar-riqab*, *al-gharimin*, *fi sabilillah* dan *ibn as-sabil* sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan Islam (*muallaf*), dan untuk memerdekan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang, dan (untuk pejuang-pejuang yang berjihad) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya). Itulah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah at-Taubah : 60)

Pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan perolehan zakat kepada semua asnaf yang ada secara sama rata. Sekiranya hanya terdapat enam asnaf di dalam sesebuah negeri, maka zakat wajib diagihkan sama rata kepada enam bahagian dan setiap bahagian diberikan 1/6 daripada harta zakat. Sebagai contoh, dalam sesebuah negeri itu tidak terdapat asnaf *fi ar-riqab* dan *fi sabilillah*, maka zakat wajib diagihkan kepada enam asnaf yang ada sahaja iaitu fakir, miskin, amil, *muallaf*, *al-gharimin* dan *ibn as-sabil*.

Pengagihan kepada setiap individu dalam setiap asnaf pula, wajib dilaksanakan oleh pemerintah atau naibnya secara sama rata sekiranya keperluan mereka sama. Sekiranya keperluan setiap

APABILA seseorang itu ada padanya dua sifat yang menyebabkannya berhak menerima zakat seperti fakir dan *gharim*, maka dia diberi zakat salah satu daripada dua sifat tersebut untuk mendapatkan zakat. Demikian penjelasan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin* wa Umdah al-Muftin yang menyebut :

Ertinya : Dan siapa yang ada padanya dua sifat (yang menyebabkan) berhak (untuk menerima zakat) maka menurut pendapat al-azhhar dia hanya diberikan (zakat) dengan satu sifat sahaja.

individu itu berbeza, maka pemerintah atau naibnya wajib mengagihkannya berdasarkan keperluan mereka.

Menyentuh mengenai lapan asnaf yang disebutkan di dalam al-Qur'an, sekiranya seseorang itu ada dua sifat *mustahiq* (sifat yang menyebabkannya berhak menerima zakat), sebagai contoh dia seorang fakir dan dia juga adalah *gharim* (orang yang berhutang), adakah dia boleh menerima zakat dari bahagian asnaf fakir dan dari bahagian asnaf *al-gharimin*?

Apabila seseorang itu ada padanya dua sifat yang menyebabkannya berhak menerima zakat seperti fakir dan *gharim*, maka dia diberi zakat salah satu daripada dua sifat tersebut untuk mendapatkan zakat. Demikian penjelasan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin* wa Umdah al-Muftin yang menyebut :

Ertinya : Dan siapa yang ada padanya dua sifat (yang menyebabkan) berhak (untuk menerima zakat) maka menurut pendapat al-azhhar dia hanya diberikan (zakat) dengan satu sifat sahaja.

Dalam perkara menentukan antara dua sifat *mustahiq* sebagaimana contoh di atas, perkara tersebut adalah mengikut pilihan penerima.

Perkara *mustahiq* diberikan dengan salah satu daripada dua sifat yang ada padanya untuk mendapatkan bahagian zakat terjadi sekiranya zakat yang diterima itu dari satu jenis zakat. Sebagai contoh, seorang fakir yang *gharim* hanya diberi antara sifat fakirnya atau sifatnya yang memiliki hutang untuk mendapatkan bahagian daripada satu jenis zakat seperti zakat tanaman.

Sekiranya zakat yang diterima itu ada dua jenis zakat, maka dia diharuskan menerima satu jenis zakat dengan satu sifat yang ada padanya dan jenis zakat yang lain dengan sifatnya yang lain. Sebagai contoh

seorang fakir yang *gharim* harus menerima dari zakat emas dengan sifat fakirnya dan menerima dari zakat tanaman dengan sifatnya yang memiliki hutang.


As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitab *l'annah ath-Thalibin* menyebut :

Ertinya : Katanya : Dan seseorang itu tidak diberikan (zakat) dengan dua sifat (yang menyebabkannya berhak menerima zakat) iaitu kedua-dua (sifat itu) berkumpul padanya dan dia berhak menerima zakat dengan kedua-dua (sifat)nya seperti (kerana) fakir dan berhutang atau (kerana) fakir dan berperang. Maksudnya : dia tidak diberikan dengan kedua-dua sifat itu dari (jenis) zakat yang sama. Adapun dari dua (jenis) zakat, maka dia diharuskan mengambil satu zakat dengan satu sifat (yang ada padanya) dan (zakat) lain dengan (sifat) lain.

Maksud diberikan daripada satu atau berbilang jenis zakat itu ialah merujuk kepada jenis harta yang wajib dizakat, bukan merujuk kepada orang yang wajib mengeluarkannya. Oleh itu, satu jenis zakat yang dikeluarkan oleh ramai pengeluar zakat tetap dikira satu jenis zakat walaupun bilangan pengeluarnya ramai. Manakala pelbagai jenis zakat yang dikeluarkan oleh seorang pengeluar zakat tetap dikira berbilang jenis zakat walaupun bilangan pengeluarnya seorang sahaja. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* menjelaskan mengenai ini dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, katanya :

Ertinya : Sekiranya ke atas seseorang itu ada banyak jenis (kewajipan) zakat, (maka) ia adalah zakat yang berbilang. Dan sekiranya satu kumpulan berkongsi dalam satu jenis zakat, (maka) ia (zakat) yang disatukan.

Berdasarkan *nash* di atas, sekiranya seseorang memiliki harta seperti emas, tanaman dan lembu dan ketiga-tiga itu telah mencukupi syarat wajib dikeluarkan zakat,



maka zakat yang dikeluarkannya dari tiga jenis harta tersebut dikira zakat yang berbilang. Oleh itu sekiranya pemilik harta tersebut mengagihkan zakatnya kepada *mustahiq* yang memiliki dua sifat, maka dia diharuskan mengambil satu jenis zakat dengan satu sifat yang ada padanya dan satu jenis zakat lagi dengan satu sifatnya yang lain.

Sekiranya satu kumpulan berkongsi dalam mengeluarkan satu jenis zakat seperti zakat emas, maka zakat itu dikira sebagai satu jenis zakat sahaja walaupun emas itu dikongsi oleh satu kumpulan. Oleh itu, jika mereka mengagihkannya kepada *mustahiq* yang memiliki dua sifat, maka dia hanya diberikan berdasarkan salah satu sifat untuk menerima bahagian zakat tersebut.

Walaupun bagaimanapun sekiranya dia sudah menerima zakat atas sifatnya sebagai *gharim* dan dia telah menyelesaikan hutangnya dengan zakat tersebut namun dia masih dalam keadaan fakir, maka ketika itu dia boleh diberikan zakat lagi atas sifatnya sebagai fakir dari jenis zakat tersebut. Apa yang dilarang ialah memberikan zakat sekali gus atas dua sifat asnaf daripada satu jenis zakat.

Semua perkara di atas adalah khusus bagi zakat yang dikeluarkan sendiri oleh pemilik harta zakat. Berbeza halnya jika zakat diagihkan oleh pemerintah atau naibnya. *Mustahiq* yang mempunyai dua sifat tersebut boleh menerima zakat dari dua bahagian asnaf zakat dalam sekali penerimaan.

Demikianlah penjelasan mengenai persoalan penerimaan zakat bagi orang yang memiliki dua sifat *mustahiq* zakat.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

"MAKA bersabarlah engkau (wahai Nabi Muhammad) atas apa yang mereka katakan danertasbihlah dengan memuji Tuhanmu (dirikanlah sembahyang) sebelum terbit matahari (Subuh) dan sebelum terbenamnya (Asar), danertasbihlah pada waktu malam (Maghrib dan Isyak) dan pada waktu siang (Zuhur) supaya engkau reda (dengan mendapat kurnia pahala)".

Surah Thaahaa : 130

Seseorang hamba tidak akan terlepas daripada ujian dalam kehidupan. Ujian itu diberikan dalam bentuk kesusahan dan kesenangan, itulah tanda kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Tetapi harus diketahui semakin berat ujian itu semakin tinggi kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya. Apa yang lebih penting, sebagai seorang Muslim kita hendaklah bersabar dan reda dengan ujian yang telah ditetapkan ke atas kita.

Reda dengan ketentuannya

Reda ialah menerima sesuatu dengan lapang dada atas segala yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada berupa nikmat atau musibah. Reda adalah sifat dalam keyakinan yang menunjukkan keimanan dan keyakinan kepada Allah Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana dalam menentukan semua hal.

"... Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui".

Surah Al-Baqarah : 216

Manakala dalam hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya daripada Shuhaib bin Sinan, ada menceritakan yang bermaksud :

"Sungguh menakutkan urusan orang beriman. Sesungguhnya semua urusannya adalah kebaikan, dan itu tidak dimiliki kecuali oleh orang beriman. Jika ia mendapatkan kesenangan, ia bersyukur, maka itu baik baginya. Jika ia mendapatkan kesulitan, ia bersabar, maka itu baik baginya".

Ketika seseorang reda terhadap ujian yang diberikan, maka hidupnya akan lebih tenang dan tidak mudah berasa dengki pada kehidupan orang lain, tidak menyalahkan masa lalu dan tidak takut untuk melalui masa hadapan. Ia yakin bahawa segala sesuatu terjadi atas kehendak Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana. Reda dengan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala dan meyakini dengan hati yang ikhlas serta sabar bahawa setiap ujian memiliki hikmah di sebaliknya.

Orang yang reda sentiasa mendekatkan

ORANG yang reda sentiasa mendekatkan dirinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi perkara yang mendatangkan kemurkaan-Nya. Dalam hal ini, menjadi hak Allah Subhanahu Wata'ala untuk memilih dan memberikan yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Sifat reda ini perlu dipupuk dalam hati seorang Muslim dan meyakini semua yang dilalui dan terjadi dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sesungguhnya seseorang yang menerima apa jua yang dilalui dengan reda adalah seorang insan yang hebat di dunia dan akhirat.

dirinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi perkara yang mendatangkan kemurkaan-Nya. Dalam hal ini, menjadi hak Allah Subhanahu Wata'ala untuk memilih dan memberikan yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Sifat reda ini perlu dipupuk dalam hati seorang Muslim dan meyakini semua yang dilalui dan terjadi dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sesungguhnya seseorang yang menerima apa jua yang dilalui dengan reda adalah seorang insan yang hebat di dunia dan akhirat.

CERAMAH ISRAK, MIKRAJ TEKANKAN PENGHAYATAN IBADAH SEMBAHYANG



CERAMAH bertajuk 'Dari Sembahyang Menuju Cemerlang' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhd. Safwan bin Mohd. Suffian (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 13 Januari. - Seramai 80 orang pegawai dan kakitangan warga kerja Jabatan Kerja Raya (JKR) menghadiri ceramah bersempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj yang dianjurkan oleh Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, JKR, bertempat di

Dewan Atria Simpur, Bangunan Ibu Pejabat JKR, hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ceramah bertajuk 'Dari Sembahyang Menuju Cemerlang' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhd. Safwan bin Mohd. Suffian.

Antara inti pati utama ceramah ialah penekanan terhadap tema Sambutan Israk dan Mikraj 1447 Hijrah iaitu 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang', yang menumpukan kepada hubungan langsung antara peristiwa Israk dan Mikraj dengan pensyariatan sembahyang lima waktu sebagai ibadah paling utama serta tiang agama.

Menurutnya, maksud seruan azan, iaitu "Marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kejayaan", sebagai panggilan kepada kejayaan dunia dan akhirat.

Selain itu, beliau menegaskan peranan sembahyang sebagai medium pertemuan antara hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala, sumber ketenangan jiwa serta

sebagai 'syurga di dunia' bagi orang-orang beriman.

Kepentingan menjaga waktu sembahyang, peranan sembahyang dalam mencegah perbuatan mungkar, menghapus dosa serta membentuk disiplin kehidupan turut diperjelaskan, bersandarkan dalil Al-Quran dan hadis-hadis sahih.

Beliau turut mengongsikan panduan dan tip untuk mencapai

kekhusyukan dalam sembahyang, di samping langkah - langkah praktikal bagi memastikan amalan sembahyang sentiasa terpelihara dalam kehidupan seharian.

Beliau turut memperingatkan bahawa sembahyang merupakan amalan pertama yang akan dihisab di akhirat, sekali gus menjadi penentu kejayaan dan keselamatan seseorang insan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.



Penandatanganan perjanjian rakan kongsi CFTE32

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid



BERIBI, Selasa, 13 Januari. - Consumer Fair & Trade Expo Ke-32 (CFTE32) bakal berlangsung pada 28 Januari hingga 1 Februari 2026 nanti di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Sehubungan itu, Majlis Menandatangani Perjanjian Rakan Kongsi berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd., hari ini.

Majlis ini secara rasminya menandakan pemeteraian kerjasama antara Syarikat D'Sunlit Sdn. Bhd., selaku penganjur utama dan rakan-rakan strategiknya bagi penganjuran CFTE32. Acara berprestij tersebut kali ini mempunyai tema 'The Unstoppable You'.

Hadir menandatangani bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd. ialah Pengarah D'Sunlit Sdn. Bhd., Dato Haji Danial bin Haji Hanafiah dengan disaksikan oleh Pengurus Operasi D'Sunlit Sdn. Bhd., Ngu Ting Siang.

Acara dimulakan dengan penandatanganan perjanjian daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh di Negara Brunei Darussalam (NBD), Suruhanjaya Tinggi India di NBD, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD dan Kedutaan Besar Republik Sosialis Viet Nam di NBD.

Diikuti dengan penandatanganan oleh wakil-wakil

daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), NBT Brunei Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Datastream Digital Sdn. Bhd., IBIC Sdn. Bhd., Aewon Garment & Embroidery, Kristal Media, Oregon Systems Brunei, MixMedia, Cuckoo International (B) Sdn. Bhd., Shaliz Waste Recycling Sdn. Bhd., RanoAdidas dan RSW Services Sdn. Bhd.

Berteraskan legasi kejayaan yang kukuh, CFTE32 terus mencapai tahap yang lebih tinggi dengan merangkumi pertumbuhan, inovasi dan kerjasama rentas sempadan. Dengan penyertaan antarabangsa yang semakin meluas dan kepelbagaian yang lebih ketara, edisi akan datang menjanjikan pengalaman yang lebih bernilai dan bermakna kepada semua pengunjung.

Kemasukan delegasi antarabangsa yang semakin meningkat turut mencerminkan peranan CFTE yang kian berkembang dalam merencanakan aktiviti perniagaan melangkaui dewan pameran, sekali gus menyumbang kepada pelancongan masuk serta membuka peluang yang lebih luas kepada industri dan perkhidmatan tempatan.

CFTE32 menyediakan platform strategik kepada para pempamer untuk mengetengahkan inovasi, menjalin perkongsian bermakna



SUASANA Majlis Menandatangani Perjanjian Rakan Kongsi berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit Sdn. Bhd. (atas kiri dan atas).

dan meneroka pasaran baharu.

Dalam masa yang sama, para pengguna boleh menikmati suasana pasaran yang meriah dengan pelbagai produk, perkhidmatan serta pengalaman interaktif yang menarik.

Salah satu tarikan utama CFTE32 ialah Consumer Fair Conference (CONFAC). Kini memasuki edisi ketiga, CONFAC Ke-3 akan berlangsung serentak dengan majlis perasmian pada 28 Januari, berteraskan tema 'Built to Last - Strengthening Business Resilience in a Changing World'.

Antara sesi utama persidangan ini ialah 'Nimble Economies in ASEAN : Brunei Darussalam's Role in Building Regional Resilience', yang akan disampaikan oleh mantan Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Gita Wirjawan serta Pengasas dan Pengerusi Ancora Capital.

Sesi ini menawarkan pandangan praktikal berasaskan pasaran mengenai daya tahan ASEAN, kerjasama serantau dan daya saing ekonomi jangka panjang.

Di samping wawasan strategik yang diketengahkan melalui CONFAC, Program Padanan Perniagaan CFTE pula

menterjemahkan idea kepada tindakan. Dipacu oleh platform Jublia, program ini menyediakan pengalaman jaringan perniagaan yang tersusun dan berkesan dengan menghubungkan pembeli kepada lebih 100 pempamer antarabangsa dan 250 pempamer tempatan.

Secara keseluruhan, ekspo ini akan menghimpunkan lebih 350 vendor, termasuk wakil dari negara - negara seperti Republik Rakyat Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik India, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina dan Republik Sosialis Viet Nam, sekali gus membentuk sebuah pasaran yang dinamik dan pelbagai.

Dewan Musyawarah dan Dewan Delima pula akan menampilkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan, menzahirkan komitmen penganjur dalam memupuk bakat serta memperkasa keusahawanan tempatan.

Buat julung kalinya, CFTE32 bakal memperkenalkan China Day yang akan berlangsung sepanjang lima hari bertempat di Press Conference Hall, ICC. Segmen

khas bertemakan Republik Rakyat China ini akan mengetengahkan pelbagai produk, aktiviti interaktif serta pengalaman kebudayaan, sekali gus memberikan dimensi baharu kepada pameran.

Turut menjadi tarikan acara ialah Cabutan Bertuah Utama, yang dibuka kepada semua pengunjung. Untuk menyertai, pengunjung hanya perlu membuat pembelian di mana-mana vendor dan akan menerima sekeping borang cabutan bertuah.

Hadiah utama yang menantikan pengunjung bertuah pada tahun ini ialah sebuah Toyota Yaris Cross ditaja oleh NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

CFTE32 akan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam dan pada Jumaat ditutup pada pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang bagi Sembahyang Jumaat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi D'Sunlit Sdn. Bhd. di +673 2453666 dan ikuti perkembangan terkini melalui laman media sosial @consumerfair.bn di Instagram atau di Facebook Brunei Consumer Fair serta layari laman sesawang di www.brunelconsumerfair.com.

TAKLIMAT PUPUK SEMANGAT KENEGARAAN



KETUA Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan dan kanan, sekitar program tersebut.



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Isnin, 12 Januari. - Seramai 147 orang penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah (SM) Rimba 1 menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Taklimat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana

Menteri tersebut dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Turut hadir, Pengetua SM Rimba 1, Awang Muhammad Hafizuddin bin Abdullah Tong;

Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SM Rimba 1, Dayang Chua Hui Feng; serta para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Kuiz Kenegaraan juga diadakan bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan dan para pemenang kuiz menerima hadiah yang disumbangkan oleh Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Penerangan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap

raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasrat akan dapat mengukuhkan lagi semangat

solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

PMB mendukung usaha kerajaan, dasar negara



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Isnin, 12 Januari. - Kerajaan memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan

dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035,

Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Program yang disertai oleh seramai 49 orang peserta, yang terdiri daripada Ahli-ahli PKWE, Daerah Tutong berkenaan diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Mashod dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini@Bahrin.

Dalam ucapannya, Awang Mohd. Nurakram antara lain menyentuh bahawa PMB merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun Negara Brunei

Darussalam.

Program ini juga, jelasnya, memberi manfaat kepada para peserta sekali gus dapat diaplikasikan kepada kehidupan sehari-hari, seperti dalam menghadapi jenayah siber yang sedang berleluasa pada masa ini.

Di samping itu, program ini memberikan inspirasi mahupun idea-idea melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan, tambahnya.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.

Juga hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



MAJLIS Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan (atas dan kiri).

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN PENUBUHAN, PERANAN TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID



SUASANA pada program jerayawara berkenaan yang diadakan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Melalui penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD), umat Islam di negara ini diberikan peluang untuk meraih ganjaran pahala sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka yang menyumbang kepada pembinaan masjid.

Penubuhan tabung dana ini berperanan sebagai wadah berterusan bagi umat Islam untuk mengumpul ganjaran pahala melalui sumbangan kepada pembangunan masjid, di samping membuka ruang sebagai satu peluang berharga untuk

'bertanam saham' di akhirat.

Bagi memperkukuh kefahaman mengenai penubuhan serta peranan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Urus Setia Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD telah mengambil inisiatif melaksanakan program jerayawara ke

kementerian - kementerian di negara ini.

Program tersebut disasarkan khusus kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan yang mula berkhidmat sejak tahun 2020 Masihi hingga kini, dengan hasrat untuk memperjelaskan matlamat serta objektif penubuhan tabung berkenaan secara menyeluruh dan berkesan.

Terdahulu, jerayawara

seumpama ini diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada tahun lepas.

Pada kali ini, jerayawara tersebut diteruskan khusus bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan mengambil tempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir sama dalam jerayawara berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Ugama (SkIPPA), JHEM, Awang Mohammad Sakhawi@Abdul Qawi bin Haji Samsor.

Majlis seterusnya disusuli dengan sesi penerangan mengenai tabung dana oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Penerangan tersebut merangkumi latar belakang serta tujuan penubuhan tabung, kaedah dan mekanisme kutipan dana termasuk proses pemotongan gaji, statistik jumlah kutipan, serta perancangan projek yang telah dan akan dilaksanakan.

Sesi turut disusuli dengan soal jawab dan perbincangan bagi memberikan ruang kepada para peserta mendapatkan penjelasan lanjut.

MINDA PEMBACA

Memperkasa komuniti OKU : Membangun masyarakat inklusif

GOLONGAN Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai hak, potensi dan keupayaan untuk menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Oleh itu, usaha memperkasa komuniti OKU amat penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang inklusif, adil dan berperikemanusiaan. Masyarakat inklusif bukan sahaja mengiktiraf perbezaan, malah menyediakan peluang yang sama kepada semua lapisan masyarakat tanpa diskriminasi.

Salah satu aspek utama dalam

memperkasa komuniti OKU ialah penyediaan akses pendidikan yang saksama. Pendidikan inklusif membolehkan OKU memperoleh pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri untuk berdikari serta bersaing dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, program latihan kemahiran dan pembangunan kerjaya dapat membantu meningkatkan potensi OKU agar mereka mampu menyumbang secara aktif kepada masyarakat.

Selain pendidikan, penyediaan kemudahan awam yang mesra OKU juga memainkan peranan penting. Infrastruktur seperti laluan khas,

pengangkutan yang mudah diakses serta penggunaan teknologi bantuan dapat meningkatkan kualiti hidup golongan OKU. Sokongan daripada pihak kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan amat diperlukan bagi memastikan keperluan golongan ini dipenuhi secara menyeluruh.

Peranan masyarakat pula tidak kurang pentingnya dalam membentuk persekitaran yang inklusif. Sikap prihatin, saling menghormati dan penerimaan terhadap kepelbagaian keupayaan dapat menghapuskan stigma serta diskriminasi terhadap OKU. Pendidikan dan kempen kesedaran mampu memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang hak dan keperluan golongan

ini.

Kesimpulannya, memperkasa komuniti OKU merupakan tanggungjawab bersama. Dengan kerjasama semua pihak, sebuah masyarakat yang inklusif dan harmoni dapat diwujudkan, sekali gus memastikan setiap individu dihargai dan tidak terpinggir daripada arus kemajuan.

Nama: Dk. Nur Rahwani Najibah
binti Pg. Haji Abd. Hamid
No K/P: 01-100XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
2. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
3. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**Dibukakan Kepada Pemborong
- Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
Berdaftar Di Bawah Akta Nama
Perniagaan Seksyen 16 & 17 Atau
Sijil Pendaftaran Kontraktor Kelas
II & III Sahaja Atau Lesen
Pembina Authoriti Kawalan
Bangunan Dan Industri
Pembinaan Kementerian
Pembangunan.

Kategori:
KA01 / KA04 / S01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
27 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 001 / 2026

Nama Projek:
Perkhidmatan Lori Tangki Vakum
Kumbahan Di Daerah Belait Bagi
Tempoh 12 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-019

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 002 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pembaikan Paip-Paip Dan
Lurang Pembetulan
Di Mukim Kuala Belait Bagi
Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-021

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 003 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja

Pembaikan Paip-Paip Dan
Lurang Pembetulan
Di Mukim Seria Dan Mukim Liang
Bagi Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-022

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-
Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 004 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Operasi
Dan Penyelenggaraan
Loji Rawatan Air Seria
Dan Stesen Pam Air Mentah
Badas Peringkat 4 Di Daerah
Belait Untuk 36 Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 /
002-002-002

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KPB17 Atau KPB18

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
27 Januari 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 29 / 2025

Nama Projek:
Menilai Kondisi
Struktur Jambatan
- Retender.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 36 / BKTGS /
2025-T / V

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik
Pulih Tanah Susur
Di Kawasan
Kampung Belais,
Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 37 / CQS /
2025-T / IV

Nama Projek:
Membaik Pulih
Bangunan Pusat Al-Islah,
Biro Kawalan Narkotik

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
V & VI

Kategori:
B01 & KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 Mac 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 38 / CQS / 2025-T / V

Nama Projek:
Design and Build: Retrofitting of
Public Works Department
Headquarters with Green
Initiatives

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)


**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E01 dan E02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 01 / 2026

Nama Projek:
Penggantian Dan Menaiktaraf
Sistem Jentera Penjana Kuasa Di
Loji Rawatan Air Sumbiling,
Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)


Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
(20-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Makanan
Berbungkus
(Packed Meals)
Untuk
Residen Kompleks Rumah
Kebajikan (KRK) Bagi Bulan
Ramadhan Tahun 1447 / 2026

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
29 Januari 2026
Jam 2.00 Petang


Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
1 / JANUARI / 2026 /
PSB / PD.575
Pencetakan Kad Jemputan
Dan Lain-Lain Kad Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan,
Negara Brunei Darussalam
Ke-42,
Tahun 2026

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Isnin
26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi
Rancangan Pemakanan
Sekolah Dan Program Harapan
2025**

**DA / JKSH / 145 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi:
1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Benutan Daerah Tutong.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: MKN / 03
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**DA / JKSH / 146 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: AK / 01
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**DA / JKSH / 147 / 2025 / 2026
[BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan - Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi Program Harapan:
1. Sekolah Rendah Sungai Teraban
2. Sekolah Rendah Labi Daerah Belait
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok: PH / T8
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**Bayaran Yuran
Sebut Harga:
BND5.00**

**Tarikh
Tutup / Waktu:
Sabtu,
17 Januari 2026
Jam 9.00 Pagi**



**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

**Membekal Dan Menghantar
Foam Making Branch Dan
Foam Inductor
(Ruj: JBP / TSH / 44 / 2025-2026)**

**Supply And Delivery Of
Portable And Disposable Gas
Detector
(Ruj: JBP / TSH / 45 / 2025-2026)**

**Membekal Dan Menghantar
Peralatan Dan Perkakas
Memadam Kebakaran
(Ruj: JBP / TSH / 46 / 2025-2026)**

**Penyewaan Kantin Dewan
Serbaguna Jabatan Bomba Dan
Penyelamat (3 Years Contract)
(Ruj: JBP / TSH / 47 / 2025-2026)**

**Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
29 Januari 2026
1.50 Petang**

**Yuran Tawaran:
BND5.00**



**Yuran Tawaran:
BND30.00**

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:
KK / 402 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND10.00**

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:
KK / 409 / 2025 / UPP
The Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning, Warranty
And Maintenance Of Microwave
Ablation Equipment For Radiology
Department, Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital, Ministry Of
Health, Negara Brunei
Darussalam**

**Yuran Tawaran:
BND30.00**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

Supply And Delivery of Configured Line Replaceable Units (LRUS) – Embedded Maintenance CPU (EM CPU), AC/DC Converter, Monitor Splitter Board (MON SPL) And Monitor Board (MON) For Doppler Very High Frequency (VHF) Omnidirectional Range (DVOR), Department of Civil Aviation ATELS / 2025 / SH-31

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
14 Januari 2026**

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
27 Januari 2026**

**Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
28 Januari 2026
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Sebut Harga Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910
Negara Brunei Darussalam



**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:
KK / 411 / 2025 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Rapid
Urease Test Kits For Point Of Care
Testing Section, Department Of
Laboratory Services,
Ministry Of Health
For A Period Of
Five (5) Years Usage**

**Yuran Tawaran:
BND10.00**

**Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang**



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari
jam 2.00 petang pada
Khamis,
5 Februari 2026.**

**Borang Sebut Harga:
BND7.00**

1. JPt / SH / 109 / 2025 - 2026
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'E' Temburong District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

2. JPt / SH / 110 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Kawasan Di Empangan Imang Kg Panchor Murai, Daerah Brunei Muara Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

3. JPt / SH / 111 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Membersihkan Longkang Tanah Di KPLB Pengkalan Batu (Simpang 1011) Daerah Brunei Muara



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:
KK / 379 / 2025 / HTD
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of Slit
Lamp For Ophthalmology
Department, Ministry Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND30.00**

**Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:
KK / 396 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND10.00**

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:
KK / 397 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery
Of Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND30.00**

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:
KK / 398 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery
Of Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND30.00**

**Bilangan Dan
Keterangan Tawaran:
KK / 399 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND30.00**

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:
KK / 400 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health**

**Yuran Tawaran:
BND100.00**

**Bilangan Dan Keterangan
Tawaran:
KK / 401 / 2025 / PHARM
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services Ministry
Of Health**



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran
adalah dipelawa dari
Pemborong - Pemborong yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam
**Kelas IV sahaja dan
Kategori Kerja KA01,
B01 dan E01 bagi:**

Nama Projek:
Rectification Works
To 20 Units Transit Terrace Units
At Jalan 83,
RPN Kg Lambak Kanan,
Negara Brunei Darussalam.

Bil. Projek:
JKP / 07 / 2025

Tender Information Pack
boleh dipohonkan dan
dipapari dengan menghantar
e-mel kepada
tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu,
31 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Januari 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND100.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
(18-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran
Kartrij Dakwat Dan Toner
Pencetak Bagi Kegunaan
Pegawai Dan Kakitangan
Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM)

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
(19-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03
Pembekalan Dan Penghantaran
Sampul Surat Percetakan
Urusan Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia (KDYMM)
Bagi Semua Unit Dan Bahagian
Dibawah Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM) Untuk
Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 2.00
Petang



**BKNI
BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Jawatan Kosong

**Penolong Pegawai
Narkotik II
(BKN.1-2 EB 3: BND650.00
EB Khas BND1,350.00)**

Tarikh Tutup:
Rabu,
21 Januari 2026
Jam 4.00
Petang



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2025-2026 / 14
Pembekalan Toner Dan Drum
Bagi Mesin Pencetak Brother
HL-L2370DN Dan Brother
HL-L2385DW

Mesin Pencetak:
Brother HL-L2370DN Dan
Brother HL-L2385DW

Keterangan Pembekal:
Toner

Parts Number:
TN-2484 (Yield:4,500 Pages)

Unit Diperlukan:
12

Keterangan Pembekal:
Drum

Parts Number:
DR-2455 (Yield:12,000 Pages)

Unit Diperlukan:
7

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / LTK / RKN-PTM(01) /
2026
The Design, Development,
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning And
Maintenance Of Project Smart
University (Phase 1) Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
(169) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Perkhidmatan Penerbitan
Video Korporat
Jabatan Penerangan

Yuran:
BND5.00
(Tidak Akan Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 8.00 Pagi



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan
Nama Dokumen Sebut Harga:**
28 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Majalah
(Mekar) Terbitan
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan dan
Nama Dokumen Sebut Harga:**
29 / DBP / SH / 2025-2026
Mencetak Majalah
(Juara Pelajar) Terbitan
Dewan Bahasa Dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Harga
Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 11.00 Pagi



Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:
(170) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Membekal Baju Korporat
Jabatan Penerangan
(Formal)

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
(171) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Membekal Baju Korporat Jabatan
Penerangan (Semi-Formal)

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
15 Januari 2026
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
BBS / BPAP / TI / 2026-1

Keterangan Projek:
Penyewaan Ruang-Ruang
Perniagaan Bangunan Kerajaan
Di Bawah Kawalan
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria
- Gerai Makan Taman Persiaran
Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
20 Januari 2026
Jam 2.00
Petang





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / BOL / 002 [JPPK / LTN / 10 / 2024] Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Bolkiah Garrison And Associated Facilities, Royal Brunei Armed Forces, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam Tarikh Mula Tawaran: 29 Disember 2025 Kelas: V dan ke Atas Kategori: KA01 dan B01 Tempoh Penyiapan Kerja: Lima (5) Tahun Yuran Tawaran: BND1,005.00 (Yuran tawaran = BND1,000.00 + Yuran e-dokumen = BND5.00) (Tidak dikembalikan) Yuran Dokumen (MINDEF SOR 2019) (Tidak Dikembalikan):	BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)* Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Selasa, 27 Januari 2026 Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 24 Februari 2026 Jam 12.00 Tengah Hari *Makluman Untuk dipertimbangkan dalam tawaran ini, setiap penender dimestikan untuk membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' atas nama syarikat mereka sendiri. Jika pernah membeli 'MINDEF SOR 2019 Edition' sebelum ini, penender hendaklah menghadapkan salinan resit pembayaran terdahulu. Edisi 'MINDEF SOR 2011 dan MINDEF SOR 2015' adalah tidak lagi digunakan. 
---	--

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MINDEF / DFA / FY2025 / CAU / TUDB / TA / 001 Pembelian Alat-Alat Ganti Ground Handling Wheel Bagi Tentera Udara Diraja Brunei Yuran Tawaran: BND 30.00 (Tidak dikembalikan) Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / DEN / TA / 01 Pembelian Peralatan Dan Kelengkapan Pergigian (Dental Equipment), Markas Khidmat Pergigian Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam Yuran Tawaran: BND 30.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 27 Januari 2026. Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 3 Februari 2026 2.00 Petang 

Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (M&E) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)] Mechanical & Electrical Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces Tarikh Mula Tawaran: 15 Disember 2025 Syarat Penyertaan: A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development Tempoh Penyiapan Kerja: Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan Yuran Tawaran: BND500.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada Selasa, 20 Januari 2026 Tarikh Tutup Tawaran: 27 Januari 2026 (Selasa) Jam 2.00 Petang 

Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (C&S) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)] Civil & Structural Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces Tarikh Mula Tawaran: 15 Disember 2025 Syarat Penyertaan: A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development Tempoh Penyiapan Kerja: Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan Yuran Tawaran: BND500.00 (Tidak dikembalikan) Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada Selasa, 20 Januari 2026 Tarikh Tutup Tawaran: 27 Januari 2026 (Selasa) Jam 2.00 Petang 
--



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MFA / ICT / 2026 / T1 Data Centre Hardware Extended Warranty & License Renewal With One Year Maintenance And Support Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 20 Januari 2026 Jam 2.00 Petang 	Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MFA / ICT / 2026 / T2 The Subscription and License Renewal for Email Security Appliance and Load Balancer Services Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 20 Januari 2026 Jam 2.00 Petang 	Bilangan Dan Tajuk Tawaran: MFA / ICT / 2026 / T3 VMWARE License Subscription for One (1) Year at Ministry Of Foreign Affairs Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 20 Januari 2026 Jam 2.00 Petang 
---	--	--

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah **ke-2** penyebab kematian yang tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



10 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN MAKANAN ASASI



MAJLIS Kesejahteraan Masyarakat (MKM) semasa menyerahkan sumbangan asasi kepada para penerima (atas, kanan dan bawah).

■ Berita dan Foto : Ihsan Majlis Kesejahteraan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Sebanyak 10 buah keluarga yang merupakan klien Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) di Daerah Temburong kelmari menerima sumbangan makanan asasi daripada keluarga Yu yang diketuai oleh Mary Yu Sui Duan dan Dennis Yu Chin Guan.

Antara barangan asasi yang disumbangkan ialah beras, telur dan makanan dalam tin.

Sumbangan derma itu bertujuan untuk membantu keluarga yang kurang berkemampuan di negara ini.

Turut hadir pada penyampaian sumbangan tersebut ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir MKM yang

diketuai oleh Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim.

Sementara itu, Mary Yu Sui Duan menjelaskan, bagi pihak keluarga Yu merakamkan terima kasih kepada MKM, terutama kepada Datin Paduka Hajah Intan atas segala usaha membantu serta membawa mereka bersua muka bersama setiap penerima di kediaman mereka.

Tambahnya, mereka akan meneruskan kerja amal seumpama ini dalam masa terdekat.

Sumbangan tersebut mencerminkan keprihatinan masyarakat terhadap golongan yang kurang berkemampuan di negara ini.



Selera KAMPUNG Kitani

Rumahan Liking

RPN Kampung Rataie

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BAHAN-BAHANNYA :

- 1kg ikan rumahan
- 2 sudu besar lada kisar
- Segenggam asam kulit
- 1 sudu makan asam jawa
- 1 sudu besar garam
- 1 sudu makan ajinomoto

CARA-CARA MEMASAK :

Terlebih dahulu bersihkan dan potong ikan rumahan berkenaan. Kemudian campurkan sebati lada kisar, asam kulit, asam Jawa, garam dan ajinomoto.

Setelah itu, masukkan ikan yang dibersihkan ke dalam campuran tadi dan gaulkan merata. Lalu perapkan ikan tersebut selama dua hari. Selepas diperap barulah digoreng seperti biasa.



Bersama tingkatkan bekalan darah negara

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Selasa 13 Januari 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat 1, The Arcade, Little Soho, Batu Bersurat. Anjuran Laneige Brunei.
Khamis 15 Januari 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Fathan & Co, Unit 6, Tingkat Bawah, Kompleks BT Hj Uthman, Kg Jaya Setia, Berakas. Anjuran Fathan & Co – Advocates and Solicitors.

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Selasa, 13 Januari 2026 di Tingkat 1, The Arcade, Little Soho, Batu Bersurat anjuran Laneige Brunei bermula pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Sementara pada Khamis, 15 Januari 2026 di Fathan & Co, Unit 6, Tingkat Bawah, Kompleks BT Haji Uthman, Kampung Jaya Setia, Berakas anjuran Fathan & Co - Advocates and Solicitors bermula 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**

PELITA BRUNEI Hari Rabu 12 Januari, 1966.

Muka 3.

HALAMAN UGAMA

Mengetahui Awal Ramadhan dan Awal Shawal

UNTOK mengetahui dan menentukan awal bulan Ramadhan dan awal bulan Shawal, hendaklah dengan melihat anak bulan pada malam yang ketiga puluh daripada bulan Sha'aban dan malam yang ketiga puluh daripada bulan Ramadhan, kerana bulan2 Islam ada kala-nya 30 hari dan ada kala-nya 29 hari sahaja.

Ini-lah yang di-maksudkan menentukan awal bulan Ramadhan dan awal bulan Shawal dengan "ro'yah" erti-nya "melihat bulan". Kerana itu sa-tiap menjelang-nya bulan Puasa dan Hari Raya, ahli2 agama yang terdiri daripada alim u'lama'-nya, terutama pehak kadhi2 dan mereka yang memegang teraju hal ehwal agama, berusaha sa-daya upaya untok melihat awal bulan, berdasarkan Sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang erti-nya:-

"Berpuasa-lah kamu sa-waktu melihat-nya (anak bulan Ramadhan) dan berbuka-lah (berhari raya) kamu sa-waktu melihat-nya (anak bulan Shawal), maka jika terlindung oleh awan (sehingga kamu tidak dapat melihat-nya) hendaklah kamu sempornakan bilangan Sha'aban 30 hari".

Maka melihat anak bulan itu sa-patut-nya hendaklah di-tetapkan pada tiap2 29 haribulan Islam malam 30 haribulan Islam. Dengan demikian, apabila telah dapat di-tetapkan awal tiap2 bulan Islam, akan senang pula menetapkan hari yang patut melihat anak bulan (ro'yah) untok menetapkan awal Puasa dan awal Hari Raya.

Oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

Ada beberapa hari yang tidak di-haruskan sa-saorang itu berpuasa dalam Islam, erti-nya jika sa-saorang itu berpuasa pada hari2 yang di-tegah berpuasa itu, sia2-lah perbuatan-nya itu, dan hukum-nya dalam ugama Islam "Haram" orang yang melakukan puasa itu, dan dengan demikian ia mendapat dosa, walau pun puasa itu Puasa Nazar* yang di-lakukan-nya pada hari2 yang di-tegah itu.

Hari2 yang di-tegah orang berpuasa pada-nya ia-lah:

1. Hari Raya Puasa (Idil Fitri).
2. Hari Raya Haji (Idil Adzha).
3. Puasa pada 3 hari "Tashrik", ia-itu 3 hari sa-telah Hari Raya Haji, 11-12 dan 13 Dzul Hijjah.
4. Puasa pada hari "Shak", ia-itu hari 30 Sha'ban tetapi maseh di-ragu2-kan, sama ada pada hari itu awal Ramadhan atau maseh akhir bulan Sha'ban\$.

PENERANGAN LANJUT:

PUASA NAZAR

* Maksud "Puasa Nazar" yang di-lakukan pada hari yang di-tegah berpuasa, yang kita tahu biar pun puasa Sunat, tetapi kalau di-nazarkan (di-nitkan), puasa sunat itu menjadi wajib. Saperti kata Ahmad kalau aku berjaya dalam pereksa akhir tahun ini aku akan bernazar puasa sa-hari = Puasa itu wajib di-lakukan-nya, apabila ia benar2 berjaya dalam peperiksaan yang telah di-hadapi-nya. Tetapi kalau ia berkata:

Kalau aku berjaya dalam peperiksaan akhir tahun ini aku akan berpuasa pada Hari Raya Idil Fitri yang akan datang. Maka sia2-lah puasa yang di-lakukan pada Hari Raya itu (kerana ia ter-jumlah daripada hari2 yang di-tegah berpuasa), bahkan ia mendapat dosa dengan perbuatan-nya itu.

HARI SHAK

\$ "Hari Shak" yang di-maksudkan, ia-lah bagi orang2 yang berjauhan daripada bandar dan tiada alat2 kemudahan daripada-nya. Umpama-nya pada malam tadi memang telah di-ketahui-nya ada rombongan ahli2 agama yang melihat bulan sama ada pada besok pagi-nya awal Ramadhan atau maseh dalam 30 haribulan Sha'ban. Sa-kiranya hingga pagi esok-nya ia belum mendapat khabar yang nyata (kerana tidak ada radio untok mendengar siaran2), dan tidak ada orang2 yang sampai ka-kampung-nya memberitahukan sama ada pada hari itu telah masok bulan puasa atau maseh lagi dalam bulan Sha'ban, maka haram bagi-nya puasa, kerana hari itu kapada-nya dinamakan "Hari Shak", ia-itu hari yang maseh di-ragu2kan sama ada telah masok ka-bulan Ramadhan atau maseh dalam 30 haribulan Sha'ban.

MENGAPA DI-HARAMKAN PUASA PADA HARI2 TERSEBUT?

Saperti yang telah kita tahu daripada renchana2 yang lalu, Puasa ada-lah satu ibadah atau amalan yang paling baik yang dapat mendekatkan antara makhluk (manusia) dengan Tuhan-nya. Tetapi mengapa pula ada hari2 yang di-haramkan jika sa-saorang itu melakukan puasa? Malahan barang siapa yang melakukan puasa pada hari2 yang tersebut di-atas tadi, ia ada-lah melakukan suatu dosa, amalan-nya tidak di-terima dan sia2.

Ada sebab2 mengapa hari2 yang telah di-tentukan itu di-haramkan pada-nya berpuasa, diantara sebab2 itu:

1. Pada Hari Raya Idil Fitri dan Idil Adzha, orang2 Islam pada dua hari raya tersebut hendaklah menurjukkan shukur, girang dan bersuka chita, dan merehatkan diri daripada penat dan letih berpuasa, dan pada hari itu-lah bersama2 dengan keluarga dan sahabat handai ziarah menziarahi berma'afan2 sambil mene'mati rezeki2 yang di-limpahkan oleh Tuhan.

Pada hari2 raya itu juga-lah sa-patut-nya orang2 Islam banyak mengeluarkan sedekah, dan memberi bantuan2 kepada fakir miskin, maka kalau ada yang berpuasa pada sa-hari Shawal atau pada 10 Dzul Hijjah itu sa-olah2 ia suka memencilkan diri-nya daripada masharakat ramai yang sedang bersuka ria dan mendzahirkan keshukuran kapada Allah.

2. Pada 3 hari2 "Tashrik", ia-itu 11-12 dan 13 Dzul Hijjah atau sa-telah Hari Raya Haji, di-haramkan berpuasa ia-lah kerana pada hari itu orang2 yang sedang menyempornakan Haji, sedang sibok dengan melakukan kerja2 Haji di-Mekah, dan kerana mereka itu musafir maka di-tegah mereka itu melakukan puasa.

(BERSAMBONG)

Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa

KUALA LUMPUR. — Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa telah di-langsungkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur mulai malam kelemarin dan akan tamat malam esok.

Terlebeh dahulu telah di-langsungkan Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Kebangsaan di stadium tersebut.

Peserta2 yang berjaya dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran itu telah di-pilih mewakili Malaysia dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Antara Bangsa.

Selain daripada mendapat hadiah2 wang tunai dan lain2-nya Peserta2 yang berjaya menjadi Johan dalam Bahagian2 Lelaki dan Perempuan akan di-beri peluang menunaikan fardhu Haji dengan perchuma serta melawat ke-negara2 Afrika bagi memperdengarkan suara mereka.

Radio Malaysia telah menyiarkan terus ka-udara Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa pada malam kelemarin.

Pada malam ini dan malam esok juga Radio Malaysia akan memancarkan terus ka-udara Pertandingan Bachaan Al-Koran itu mulai pukul 8.30 malam waktu Malaya (pukul 9 malam waktu Borneo) hingga selesai pertandingan bachaan Kitab Suchi itu.

Sementara itu Wakil2 dari Brunei ia-itu Awang Abdullah Lakim, Awang Abdul Hamid Munir dan Davang Aminah Siling telah tiba di-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Juma'at yang lalu untok mengambil bahagian dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa.

PERTANDINGAN BACHAAN KORAN PERINGKAT KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR. — Peserta2 yang mewakili negeri masing2 dalam Pertandingan Bachaan Al-Koran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini ada-lah saperti berikut:

Kedah — Haji Ismail Hashim (Johan Kebangsaan dan Antara Bangsa tahun 1964-1965) dan Hajjah Normah Haji Mahmood.

Kelantan — Haji Abdul Hamid Awang dan Che Hasnah Konok.

Trengganu — Haji Mohammad Yusof Abdullah (Johan Kebangsaan tahun 1962 dan Naib Johan Peringkat Kebangsaan tahun itu juga) dan Hajjah Gayah binti Sulong (Naib Johan Peringkat Kebangsaan tahun 1965).

Pohang — Inche Romli Kasim dan Che Aishah Haji Abdul Rahim.

Perak — Inche Ahmad Tarmizi dan Che Zainun Yot.

Selangor — Wan Abdul Rahman bin Wan Awang dan

Che Halimah Imam Ta'at. Pulau Pinang — Haji Saidin Othman dan Che Rahdiah Abdul Rahman.

Negeri Sembilan — Inche Mohamed Shahrom Haji Amran dan Che Maimunah Othman. Melaka — Haji Ali Haji Jusa dan Che Hasnah binti Bujang.

Perlis — Inche Mohamed Isa bin Che Mat dan Che Fatimah binti Nayan.

Sarawak — Inche Mohamed Salleh bin Baksi dan Che Balakish binti Saroj.

Sabah — Che' Marsiah Md. Sharif dan sa-orang lagi.

Pengerusi Jema'ah Hakim Pertandingan tersebut pada tahun ini ia-lah Dato (Doktor) Haji Abdul Jalil Hassan, Pengetua Kolej Islam, Malaya.



Waqaf Ilmu : Pahala berterusan, manfaat berkekalan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Foto : Azmah Haji Ahad dan Jabatan Penerangan

SETIAP umat Islam yang bertakwa sudah setentunya mengharapkan pahala yang berterusan walaupun setelah meninggal dunia. Salah satu jalan yang membuka ruang pahala tanpa putus adalah melalui berwakaf atau menghulurkan sedekah.

Wakaf dan sedekah mempunyai kaitan yang sangat rapat kerana kedua-duanya termasuk dalam kategori pemberian secara sukarala untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan pahala di akhirat. Wakaf dan sedekah juga merupakan ibadah *maliyyah* (ibadah harta) bagi mendekatkan diri kepada-Nya.

Dari segi syarak, wakaf bermaksud menahan suatu harta yang boleh dimanfaatkan dalam keadaan harga tersebut tetap kekal fizikalnya dengan memutuskan hak *tasharruf* terhadap harta itu untuk disalurkan pada perkara yang diharuskan. Dalam erti kata lain, pewakaf memberhentikan haknya terhadap harta daripada sebarang urusan jual beli, hibah, gadai, wasiat dan pusaka.

Namun, wakaf merupakan satu bentuk sedekah yang lebih khusus memandangkan ia melibatkan penahanan sesuatu harta yang

kekal *'ain* (fizikal) seperti tanah, bangunan atau buku agar manfaatnya dapat disalurkan kepada pihak yang ditentukan bagi tujuan yang diharuskan oleh syarak.

Dari sudut hukum pula, harta yang wakafkan tidak boleh ditarik balik kerana ia menjadi milik Allah Subhanahu Wata'ala dan terus memberi manfaat selama mana harta itu wujud. Ini berbeza dengan sedekah biasa yang tidak semestinya melibatkan harta yang kekal seperti memberi makanan atau wang yang habis digunakan, dan pahalanya hanya sekali melainkan jika manfaatnya berpanjangan. Oleh sebab itu, wakaf sering disebut sebagai 'sedekah jariah' dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kerana pahalanya berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia.

Waqaf Ilmu

Bagi Negara Brunei Darussalam, yang berkonsepkan Melayu, Islam, Beraja telah memberi kemudahan kepada orang ramai yang berhasrat untuk berwakaf melalui Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) yang telah mengendalikan Pakej Waqaf Ilmu, iaitu wakaf buku-buku terbitan jabatan berkenaan. Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pengendalian inisiatif berkenaan pada tahun 2002.

Inisiatif tersebut juga diwujudkan memandangkan banyaknya permintaan terhadap buku-buku diterbitkan JMK. Namun, buku-buku yang terbitan tidak diberikan secara percuma kerana buku-buku yang diterbitkan adalah melalui Tabung JMK. Maka dengan itu, terwujudlah inisiatif agar diadakan sistem wakaf dengan memberikan potongan harga daripada harga jualan biasa. Selain diserahkan sendiri, buku-buku wakaf juga boleh diserahkan oleh pihak JMK kepada penerima wakaf.

Sebanyak 13 pakej wakaf telah disediakan bagi memudahkan umat Islam beramal jariah melalui Waqaf Ilmu ini dengan harga pakej serendah BND26 bagi enam buah buku yang ditentukan. Pewakaf boleh memilih sebanyak mana pakej yang hendak diwakafkan.

Sejak pakej wakaf ini dilaksanakan, banyak perpustakaan awam, masjid dan institusi pendidikan di dalam dan luar negara seperti United Kingdom, Korea Selatan, Malaysia, Singapura dan Indonesia mendapat manfaat dengan memiliki buku-buku terbitan JMK melalui 13 pakej yang disediakan.

Manfaat Waqaf Ilmu

Tidak dinafikan, buku-buku yang diwakafkan memberi banyak manfaat. Selain dibaca dan dijadikan bahan rujukan, ilmu yang diperoleh juga akan diamalkan secara berterusan sebagai panduan dan diajarkan kepada orang lain. Secara tidak langsung, pahala Waqaf Ilmu itu akan bertiti dan terus berganda.

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya : "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara : Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya".

Dengan adanya inisiatif Waqaf Ilmu JMK ini diharap ia akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Islam di negara ini untuk membuat pelaburan akhirat di samping memastikan kelestarian ilmu-ilmu demi manfaat semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Waqaf Ilmu boleh menghubungi JMK melalui talian +673 2224955, atau e-mel : mufti@brunet.bn / fatwa@brunet.bn atau melayari www.mufti.gov.bn.

OPERASI USAI KESAN 3 KESALAHAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Usai 02/2026 di Kampung Tungku Gadong baru-baru ini yang bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan

Bengkel Kimpal mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 86 Menempatkan pekerja-pekerja asing di kegiatan bukan di tempat yang diisytiharkan dan dibenarkan oleh Jabatan Buruh dan dua kesalahan di bawah Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing,



pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan di bawah jaminan kegiatan penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor telah berkerja dan

menyalahi jawatan sah mereka di kegiatan Bengkel Kimpal.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278. Jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Usai 02/2026 di Kampung Tungku Gadong yang bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kiri sekali).

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan Penggal 278 dan mematuhi syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, seperti memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh dan kegiatan yang dijalankan hendaklah selaras dengan kegiatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Pendaftaran Peperiksaan PCKSA dibukakan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab (PCKSA) tahun

1447 Hijrah / 2026 Masihi akan dibuka mulai hari Selasa, 13 Januari 2026 bersamaan 23 Rejab 1447 hingga hari Sabtu, 14 Mac 2026 bersamaan 24 Ramadan 1447.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan kepada ibu bapa

dan penjaga yang berminat untuk mendaftarkan anak mereka bagi menduduki Peperiksaan PCKSA tahun 1447H/2026M, boleh mendapatkan Borang Pendaftaran daripada guru besar atau ketua-ketua guru ugama di sekolah-sekolah rendah kerajaan atau swasta di mana anak-anak mereka bersekolah.

Operasi Kakas tahan seorang warga asing

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Kakas 02/2026 semasa dilaksanakan yang menyasarkan kepada sebuah restoran di Mukim Gadong 'B'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Dalam menguatkuasakan akta dan peraturan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti Peredaran Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229, satu Operasi Kakas telah dilaksanakan yang menyasarkan kepada sebuah restoran di Mukim Gadong 'B'.

Dalam Operasi Kakas 02/2026 berkenaan, seorang warganegara asing telah pun diperiksa dan seterusnya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 11(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Penuntut.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

Ambil langkah waspada semasa banjir

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Januari. - Berikutan dengan keadaan cuaca yang sangat aktif melanda negara pada masa ini, termasuk hujan lebat berterusan yang menyebabkan kejadian banjir di beberapa kawasan.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai, khususnya mereka yang tinggal di kawasan yang terjejas dan dilanda banjir, agar sentiasa mengambil langkah-langkah seawasapada bagi mencegah sebarang kemalangan, kecederaan serta risiko penularan penyakit berjangkit.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya lebih berwaspada terhadap penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti kolera, cirit-birit dan keracunan makanan serta penyakit-penyakit bawaan vektor seperti demam denggi dan sebagainya.

Antara langkah - langkah kesihatan dan keselamatan yang perlu diambil semasa dan selepas berlakunya banjir adalah seperti berikut, iaitu memastikan bekalan air yang digunakan adalah bersih dan tidak tercemar; memastikan air selamat diminum dan dimasak

terlebih dahulu; memasak semua makanan dengan sempurna sebelum dimakan; mengutamakan kebersihan diri, khususnya membasuh tangan dengan air bersih dan sabun sebelum makan, selepas menggunakan tandas dan sekiranya terdedah kepada air banjir.

Selain itu, menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal serta kawasan berdekatan dan tidak membuang sampah merata-rata, memastikan tidak ada takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk serta memastikan saliran air tidak tersumbat oleh sampah, lumpur dan dahan-dahan pokok.

Segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala-gejala penyakit seperti demam panas, sakit perut, cirit-birit, muntah dan lain-lain, mengutamakan keselamatan kanak-kanak dengan memastikan mereka tidak terdedah kepada air banjir bagi mengelakkan risiko lemas, kecederaan serta jangkitan penyakit, dan mengelakkan daripada memasuki bilik atau ruang yang ditenggelami air jika masih ada bekalan elektrik dan mengelakkan daripada

menyentuh mana-mana kabel atau wayar elektrik yang jatuh berdekatan atau ke dalam air banjir.

Bagi mereka yang mempunyai luka-luka dan penyakit kulit ataupun yang mempunyai masalah kesihatan kronik, terutama sekali kencing manis adalah dinasihatkan untuk mengelakkan daripada terkena air banjir kerana air banjir yang kotor boleh menyebabkan jangkitan.

Walau bagaimanapun, jika mengalami kecederaan kecil yang terdedah kepada air banjir, adalah dinasihatkan supaya memastikan luka-luka berkenaan dibersihkan dan mendapatkan rawatan perubatan, dan bagi pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kronik, hendaklah memastikan mempunyai bekalan ubat yang mencukupi dan jika kekurangan bekalan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bekalan ubat dari hospital atau pusat-pusat kesihatan yang berdekatan.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang maklum balas, orang ramai boleh mengunjungi laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

CHINA MELANCARKAN MODEL AI PERTAMA UNTUK MENILAI KESAN CUACA TERHADAP PASARAN SAHAM



BEIJING, 13 Jan. — Republik Rakyat China memperkenalkan model Kecerdasan Buatan (AI) pertamanya yang direka untuk menganalisis kesan corak cuaca terhadap pasaran kewangan, menandakan satu langkah baharu dalam pengurusan risiko berasaskan iklim, menurut Pentadbiran Meteorologi China



GAMBAR udara menggunakan dron yang diambil pada 8 Ogos 2025 menunjukkan sebuah projek perintis bagi integrasi fotovoltaik dan penyimpanan tenaga di Bandar Dongying, Wilayah Shandong di timur Republik Rakyat China. Bandar Dongying sejak beberapa tahun kebelakangan ini giat membangunkan tenaga bersih.

(CMA). Model yang dinamakan Shangji, atau Stock, dibangunkan bersama oleh Universiti Fudan yang berpangkalan di Shanghai dan Pusat Maklumat Meteorologi Nasional. Fungsi terasnya adalah untuk menilai bagaimana faktor meteorologi mempengaruhi penentuan harga aset, sekali gus menawarkan alat baharu untuk keputusan pelaburan dan penilaian risiko kewangan, kata CMA seperti dipetik oleh Science and Technology Daily pada Selasa. Ketua Pembangun Model tersebut dan Pengarah Makmal Terbuka Utama CMA bagi Meteorologi Kewangan, Zhao Yanxia, berkata model ini menggunakan data meteorologi global yang dianalisis semula serta data sejarah dagangan saham, dan mampu meramalkan pulangan jangka pendek bagi kebanyakan saham dalam pasaran A-share Republik Rakyat China. Ujian pengesahan menunjukkan bahawa model ini berupaya mengenal pasti dengan tepat industri yang sangat sensitif terhadap keadaan cuaca, seperti tenaga angin dan solar, petrokimia

tradisional, pembinaan dan pertanian, sekali gus sejajar dengan piawaian antarabangsa. Ujian semula strategi pelaburan berdasarkan ramalan model tersebut telah menunjukkan 'pulangan positif yang berterusan dan stabil' sepanjang pelbagai tempoh sejarah, menandakan potensi praktikalnya, jelas Zhao. Model ini mempunyai prospek aplikasi yang luas dalam sektor kewangan, kata Profesor di Institut Inovasi dan Inkubasi Kecerdasan Buatan Universiti Fudan, Li Hao, yang juga merupakan salah seorang seorang pencipta model berkenaan. Syarikat dalam industri yang sensitif terhadap cuaca boleh menggunakannya untuk

pengurusan risiko iklim, manakala bank dan syarikat insurans boleh mengaplikasikannya bagi mengawal risiko dalam perniagaan seperti cagaran ekuiti, serta meneroka pembiayaan berkaitan iklim, tambah Li. Beliau turut menyatakan bahawa model ini berguna kepada pelabur sebagai bantuan dalam pelaburan kuantitatif, dan para akademik boleh menggunakan outputnya untuk menguji serta memperhalusi teori penentuan harga aset. Pasukan penyelidik merancang untuk memperluas skop model ini bagi merangkumi bon dan niaga hadapan, dengan tujuan untuk mengemas kini model secara berterusan agar selari dengan dinamik pasaran. - ©XINHUA

Gunung Semeru meletus, hambur piroklas sejauh lima kilometer dari puncak

LUMAJANG (REPUBLIK INDONESIA), 12 Jan. - Gunung Semeru yang terletak di sempadan Kabupaten Lumajang dan Malang, Jawa Timur, meletus pada Ahad malam, mengeluarkan aliran piroklas sejauh sehingga lima kilometer (km) dari puncak, lapor agensi berita ANTARA. "Gunung Semeru meletus pada 10.25 malam waktu tempatan. Letusan berupa aliran piroklas dengan jarak kira-kira 5km," menurut petugas Pos Pemerhatian Gunung Semeru Sigit Rian Alfian, dalam laporan bertulis. Lajur letusan, yang dikenali warga tempatan sebagai awan panas dilihat mencapai ketinggian kira-kira 2,000 meter dari puncak, atau 5,676 meter dari paras laut. Aktiviti terbaharu gunung berapi ini menyusuli tempoh

peningkatan aktiviti Semeru yang aktif dengan kerap sejak beberapa tahun kebelakangan ini. "Lajur abu diperhatikan berwarna putih hingga kelabu, dengan intensiti tebal menghala ke timur dan tenggara," kata Alfian. Letusan Gunung Semeru itu direkodkan oleh seismograf dengan amplitud maksimum 27 milimeter dan tempoh selama 696 saat. Gunung Semeru kini kekal pada status amaran Tahap 3. Pihak berkuasa menasihatkan orang ramai agar tidak menjalankan sebarang aktiviti di sektor tenggara sepanjang Besuk Kobokan, dalam lingkungan 13km dari puncak. Di luar jarak itu, orang ramai dilarang menjalankan aktiviti

Kebakaran hutan musnahkan lebih 100,000 hektar, penduduk di wilayah Western Cape Afrika Selatan dipindahkan

CAPE TOWN, 12 Jan. - Beberapa kejadian kebakaran hutan terus merebak di seluruh wilayah Western Cape dan Eastern Cape di Afrika Selatan pada Sabtu, dengan lebih 100,000 hektar tanah di Western Cape musnah manakala proses pemindahan penduduk masih dijalankan. Laporan agensi berita Xinhua memetik kenyataan Premier Western Cape, Alan Winde kepada penyiar awam SABC pada pagi Sabtu yang memaklumkan bahawa kebakaran itu menjejaskan keseluruhan wilayah Western Cape serta sebahagian wilayah jiran, Eastern Cape. Setakat ini, tiada kemalangan jiwa dilaporkan, namun seorang kanak-kanak perempuan dimasukkan ke hospital di Mossel Bay dan beberapa anggota bomba menerima rawatan akibat terhidu asap. Winde berkata "lebih banyak helikopter daripada biasa" telah dikerahkan untuk memadamkan kebakaran, termasuk sebuah helikopter tentera. Beliau berkata lebih 100,000 hektar terbakar di seluruh wilayah itu dengan kebanyakan kerosakan infrastruktur berlaku di Mossel Bay, selain kawasan seperti Du Noon di Cape Town dan Pearly Beach. Perbandaran Mossel Bay pada pagi Sabtu memaklumkan walaupun tiada kebakaran aktif di kawasan itu, semua pasukan akan "kekal dalam keadaan berjaga-jaga" berikutan keadaan cuaca kering dan berangin. Sementara itu, Perbandaran Overstrand, lokasi terletaknya Pearly Beach, mengeluarkan kenyataan mengenai pemindahan penduduk pada tengah hari Sabtu dan menyatakan sumber memadam kebakaran kini berada di bawah tekanan hebat berikutan terdapat dua kebakaran aktif di kawasan berkenaan. "Keutamaan pertama adalah untuk menyelamatkan nyawa," kata Pengurus Perbandaran Overstrand, Dean O'Neill dalam kenyataan itu. "Penduduk Eluxolweni dan Broadway Street di Pearly Beach sedang dipindahkan ke dewan komuniti". Beliau turut menggesa penduduk di bahagian lain perbandaran itu supaya terus berwaspada dan memberi amaran bahawa "pemindahan mungkin perlu dilakukan jika keadaan bertambah buruk". Di wilayah Eastern Cape pula, Perbandaran Kouga yang merupakan antara kawasan paling teruk terjejas sejak beberapa hari kebelakangan ini memaklumkan pada Sabtu bahawa pasukan bomba masih bertungkus-lumus memadamkan beberapa kebakaran dan keadaan kekal tidak menentu. Dalam kenyataan yang dikeluarkan lewat Jumaat, Premier Eastern Cape Lubabalo Oscar Mabuyane melahirkan "keimbangan mendalam" terhadap kebakaran hutan yang melanda sebahagian wilayah itu, sambil menyatakan ia berlaku ketika kemuncak musim pelancongan musim panas di Afrika Selatan dan menjejaskan destinasi pelancongan utama. "Premier menggesa penduduk, pelawat, dan semua pengguna jalan raya di kawasan terjejas supaya sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan serta arahan pemindahan yang dikeluarkan oleh pegawai pengurusan bencana, perkhidmatan bomba dan kecemasan, serta agensi penguatkuasaan undang-undang yang dikerahkan ke pelbagai lokasi titik panas kebakaran di wilayah itu," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Pengguna telefon bimbit Republik Rakyat Bangladesh melebihi 187 juta

DHAKA, 12 Jan. - Jumlah pengguna telefon bimbit di Republik Rakyat Bangladesh melebihi 187 juta pada akhir November tahun lepas, menurut statistik terbaharu daripada pengawal selia telekomunikasi negara itu, lapor Xinhua. Data daripada Suruhanjaya Kawalselia Telekomunikasi Republik Rakyat Bangladesh menunjukkan jumlah pelanggan di negara Asia Selatan itu mencecah 187.06 juta pada November.

Pada masa ini, Republik Rakyat Bangladesh mempunyai empat syarikat mudah alih, dengan tiga daripadanya merupakan pengendali telefon bimbit yang disokong oleh pelaburan asing. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



ATLET-PELAJAR ASG14 TERIMA IKS



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 12 Januari. - Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 20 hingga 28 November 2025 telah mencipta sejarah bagi kontinjen negara apabila berjaya mencatatkan kutipan pingat keseluruhan tertinggi sejak penyertaannya, iaitu sebanyak empat pingat emas, empat pingat perak dan 10 pingat gangsa.

Sehubungan dengan itu, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas usaha, pengorbanan serta komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh para atlet-pelajar sepanjang penyertaan mereka pada temasya sukan berprestij berkenaan,

Kementerian Pendidikan melalui Urus Setia Majlis Sukan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) bagi penyertaan kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) di ASG14, Tahun 2025, NBD bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan insentif kecemerlangan sukan berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Pengarah Pendidikan

Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, kejayaan yang dicapai bukan sahaja mengharumkan nama sekolah dan negara, malah mencerminkan disiplin, ketekunan serta semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan generasi muda kita.

Di samping pencapaian pingat secara keseluruhan, beliau turut mengongsikan berapa pencapaian lainnya buat pertama kalinya, iaitu sukan badminton berjaya menyumbang pingat gangsa dalam acara Berpasukan Lelaki, dua rekod kebangsaan telah diperbaharui oleh salah seorang atlet-pelajar dalam sukan renang, empat atlet-pelajar dalam

YANG Berhormat Menteri Pendidikan, tetamu kehormat Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS).

Menteri selaku hadir pada Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS).

atlet-atlet pelajar yang berpotensi untuk mengikuti mana-mana kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa" ujamnya.

Majlis kemudiannya diserikan dengan tayangan video penyertaan kontinjen MS SSBD di Sukan ASG14 sebelum diteruskan dengan penyampaian sijil dan insentif kepada atlet-atlet pelajar yang berjaya oleh tetamu kehormat majlis.

Para penerima insentif terdiri daripada seorang atlet daripada sukan olahraga, empat atlet daripada sukan renang, lapan atlet daripada sukan badminton, 14 atlet daripada sukan pencak silat dan tujuh atlet daripada sukan wushu.

Pemberian IKS berkenaan merupakan penghargaan atas pencapaian atlet-atlet pelajar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Pemberian insentif berkenaan juga berperanan sebagai galakan serta motivasi agar para atlet pelajar akan terus berusaha meningkatkan prestasi mereka demi mencapai kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama MS SSBD dan NBD.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah - pengarah serta pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan.

PMKK Belait benam PMKK Tutong, 4-2

Siaran Akhbar dan Foto :
Penghulu Mukim dan Ketua Kampung
Daerah Brunei dan Muara

TUTONG, Selasa, 13 Januari. - PMKK Belait mengekalkan kedudukan teratas liga pada Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Tahun 2025-2026 selepas mencatat kemenangan bergaya apabila menewaskan PMKK Tutong dengan keputusan 4-2 dalam pertemuan di Kompleks Sukan Tutong.

PMKK Belait membuka jaringan pada minit ke-35 menerusi Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad, sebelum menggandakan kelebihan hasil jaringan Awang Md. Rawayani bin Morney pada minit ke-43.

Memasuki babak kedua, PMKK Belait terus mengukuhkan kedudukan apabila Awang Md. Fadzil bin Yanie pula menjaringkan gol ketiga pada minit ke-50. Manakala gol keempat PMKK Belait pula menerusi sentuhan oleh Awang Md.

Hasriz bin Bagol pada minit ke-73.

PMKK Tutong walau bagaimanapun tidak mudah mengalah dan memberikan tentangan sengit. Jaringan sulung pasukan berkenaan dihasilkan oleh Awang Nur Azmil bin Haji Ismail pada minit ke-25, sebelum mencipta jaringan kedua peribadi pada minit ke-74 untuk pasukannya.

Perlawanan berkenaan menyaksikan kedua-dua pasukan mempamerkan aksi bertenaga serta semangat juang tinggi.

Kemenangan berkenaan mengukuhkan kedudukan PMKK Belait dengan mengutip enam mata sambil PMKK Temburong berada di tempat kedua dengan kutipan tiga mata.

Kejohanan akan diteruskan dengan PMKK Brunei Muara akan menguji PMKK Belait pada Ahad, bertempat di Padang 'B' Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).



PMKK Belait berjaya mengekalkan kedudukan teratas liga pada Kejohanan Liga Bola Sepak Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Tahun 2025-2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMAKIN BERAT UJIAN SEMAKIN TINGGI KASIH SAYANG ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA